- Mesyuarat Teknikal *Revolving Fund Committee* (RFC). di Holiday Villa Hotel langkawi pada 12 April hingga 14 April 2017
  Revolving Fund Committee (RFC) Technical Meeting at Holiday Villa Hotel Langkawi from 12th April to 14th April, 2017

- Mesyuarat Teknikal *Revolving Fund Committee* (RFC). di Holiday Villa Hotel langkawi pada 12 April hingga 14 April 2017
  Revolving Fund Committee (RFC) Technical Meeting at Holiday Villa Hotel Langkawi from 12th April to 14th April, 2017

PENCEMARAN MARIN

Sepanjang tahun 2017, sejumlah tiga puluh enam (36) kes aduan pencemaran tumpahan minyak telah dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar iaitu empat belas (14) kes berlaku di Laut China Selatan, satu (1) kes di Laut Sulu, tujuh belas (17) kes di Selat Melaka dan empat(4) kes di Selat Johor **(Jadual 4.9)**.

MARINE POLLUTION

Throughout 2017, there were thirty six (36) cases of marine pollution from oil spills were reported to Department of Environment whereby fourteen (14) cases occurred in the South China Sea, one (1) case in the Sulu Sea, seventeen (17) cases in the Straits of Malacca and four (4) cases in the Straits of Johore **(Table 4.9)**.

Jadual 4.9: Kejadian Pencemaran Minyak 2017
Table 4.9: Oil Pollution Incidents 2017

Lokasi Location	Kawasan Area		Bil. Kes No. of Cases	Negeri State
Laut China Selatan South China Sea	Perairan Malaysia Malaysia Territory	Semenanjung Peninsular	10	Pahang (2) Terengganu (2) Johor (5) Sarawak (1)
		Malaysia Timur East Malaysia	4	Sabah (4)
	Zon Ekonomi Ekslusif (EEZ) Exclusive Economic Zone (EEZ)		-	-
Laut Sulu Sulu Sea	Perairan Malaysia Malaysia Territory	Sabah	1	Sabah (1)
Selat Melaka Straits of Malacca	Perairan Malaysia Malaysia Territory		17	Pulau Pinang (3) Perak (1) Melaka (6) Selangor (6) Johor (1)
Selat Johor Straits of Johor	Perairan Malaysia Malaysia Territory	Barat West	-	-
		Timur East	4	Johor (4)
Jumlah Total			36	

PUNCA PENCEMARAN

Pencemaran air umumnya berpunca daripada pelepasan punca-punca pencemaran tetap dan punca tidak tetap. Pencemaran daripada punca tetap berlaku akibat pelepasan effluen samada terawat, separa terawat ataupun mentah, yang dilepaskan ke alur air atau sungai melalui limpahan atau paip.

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengawal pelepasan pencemar daripada punca tetap seperti industri pembuatan, industri berasaskan pertanian seperti kilang getah dan kilang kelapa sawit dan loji rawatan kumbahan. Pelepasan pencemaran daripada aktiviti ternakan haiwan seperti ternakan babi dan pasar basah dilesenkan dan di kawal oleh agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Punca tidak tetap adalah punca pencemaran yang tidak mempunyai takat pelepasan yang tetap dan ianya hanya berlaku ketika dan selepas hujan serta kejadian banjir, mengakibatkan aliran permukaan membawa pencemar ke hilir sungai atau ke laut.

Pada tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar merekodkan sejumlah 1,339,212 punca pencemaran tetap yang terdiri daripada 1,333, 807 loji rawatan kumbahan 3,271 industri pembuatan, 883 pasar basah, 730 ladang ternakan babi dan 521 industri berasaskan pertanian. Perincian jenis punca tetap dan jumlah punca ditunjukkan seperti di dalam **Jadual 4.10.**

POLLUTION SOURCES

Water pollution are generally due to the discharge contributed by point sources and non-point sources. Point sources (PS) are referred as the source of polluted water or discharges, and channeled into a water body through outfalls or pipes.

Environmental Quality Act (EQA) 1974 controlling pollution's discharge from point sources includes manufacturing industries, agro-based industries including rubber mill and palm oil mill and sewage treatment plant. Whereas discharge from animal farming such as piggery and wet market were licensed and control by others agency as Veterinary Services Department and Local Authorities.

Non-point sources are diffuse source that do not have specific discharge point, and normally occurs during rainfall and in the event of floods, which cause surface run-off to sweep all pollutants and wash it downstream.

In 2017, a total of 1,339,212 water pollution sources were recorded, which comprises 1,333, 807 sewage treatment plants, 3,271 manufacturing industries, 883 wet markets, 730 piggeries and 521 agro-based manufacturing mills and the composition of water pollution sources is shown in **Table 4.10.**

Jadual 4.10 JAS: Pecahan punca-punca pencemaran mengikut sektor, 2017
Table 4.10 DOE: Composition of water pollution sources by Sector, 2017

Bil. No.	Jenis Punca Type of sources	Bilangan punca No. of sources
1	Industri pembuatan Manufacturing industries	3271
2	Industri berasaskan pertanian Agro-based industries	
	i. Kilang getah / Rubber mills	60
	ii. Kilang kelapa sawit / Palm oil mills	461
3	Ladang ternakan (babi) / Animal farms (Pig)	730
4	Loji pengolahan kumbahan Sewage treatment plants	
	i. Awam / Public	6,950
	ii. Tangki Septik Individu / Individual Septic Tanks (IST)	1,313,031
	iii. Tangki Septik Berpusat / Communal Septic Tanks (CST)	3634
	iv. Sekolah Rendah/ Primary School	7776
	v. Sekolah Menengah/ Secondary School	2416
5	Pasar basah / Wet markets"	883
	Jumlah/ Total	1,339,212

PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR

Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar atau EQMP merupakan satu program inisiatif kerajaan untuk memantapkan pemantauan kualiti alam sekitar. Program ini merangkumi pengumpulan data bagi pemantauan kualiti udara, kualiti air sungai dan kualiti air marin di seluruh Malaysia bagi tujuan untuk melaporkan tahap sebenar kualiti alam sekitar negara dalam usaha untuk memantau, mencegah dan mengawal pencemaran.

EQMP ini adalah penambahbaikan daripada sistem pengawasan kualiti alam sekitar yang telah digunapakai oleh Jabatan Alam Sekitar sejak tahun 1995. Antara tahun 1995 hingga tahun 2015, pengawasan alam sekitar JAS hanya merangkumi komponen udara dan air sungai sahaja. Skop pengawasan kini telah diperluaskan kepada komponen seperti berikut :

- Komponen Udara
- Komponen Air Sungai
- Komponen Air Marin
- Pusat Data Alam Sekitar

Syarikat Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat konsesi yang menjalankan Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar bagi tempoh selama lima belas (15) tahun bermula tahun 2017 sehingga Januari 2032.

Sistem pengawasan EQMP ini bukan sahaja berperanan sebagai mekanisma amaran awal bagi kejadian pencemaran alam sekitar seperti jerebu, tumpahan minyak, bencana industri dan pelupusan haram buangan serta toksik berbahaya. Ia juga boleh membantu pembuat dasar dan membuat keputusan melalui penyediaan input pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan perancangan projek-projek pembangunan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

THE ENVIRONMENTAL QUALITY MONITORING PROGRAMME (EQMP)

The Environmental Quality Monitoring Programme or EQMP is a Government initiative to strengthen the monitoring of environmental quality. The programme includes data collection for air quality, river water quality and marine water quality throughout Malaysia for the purpose of reporting the actual level of environmental quality in the country in order to monitor, prevent and control pollution.

The EQMP is an improvement of the environmental quality monitoring system that has been adopted by the Department of Environment (DOE) since 1995. Between the year 1995 to 2015, only air and river water quality were monitored by DOE. The scope has now been expanded and comprise the following components :

- Air
- River
- Marine Water
- Environmental Data Centre (EDC)

The company, Pakar Scieno TW Sdn Bhd has been appointed as the concessionaire to run the Environmental Quality Monitoring Programmes under the Ministry of Natural Resources and Environment through the Department of Environment for a period of fifthteen (15) years from 2017 to January 2032.

The EQMP's monitoring system does not only serve as an early warning mechanism for the occurrence of environmental pollution incidents such as haze, oil spill disaster, and illegal disposal of toxic and harmful industrial wastes but also assist policy makers and decision makers by providing of inputs to the enforcement activities and planning of projects development for the sake of the country and people well-being.

Taburan Stesen Pengawasan di Malaysia

	UDARA		SUNGAI		MARIN	
	Auto	Manual	Auto	Manual	Auto	Manual
Johor	8	3	4	227	2	63
Kedah	4	1	2	73	0	26
Kelantan	2	1	1	83	0	14
Kuala Lumpur	2	3	1	25	0	0
Melaka	3	1	2	55	0	23
Negeri Sembilan	3	1	3	65	1	17
Pahang	5	2	2	192	0	36
Perak	5	1	2	149	0	19
Perlis	1	0	1	15	0	3
Pulau Pinang	4	1	1	67	1	33
Sabah	5	0	2	118	0	43
Sarawak	12	0	2	117	2	40
Selangor	5	0	5	98	1	19
Terengganu	4	0	2	69	2	40
Putrajaya	1	0	0	0	0	0
Labuan	1	0	0	0	1	12
JUMLAH STESEN	65	14	30	1353	10	388

Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik
The Continuous Air Quality Monitoring station

Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik
The Continuous River Water Quality Monitoring station

Stesen Pengawasan Kualiti Air Marin Automatik
The Continuous Marine Water Quality Monitoring station

Perasmian Pusat Kawalan Alam Sekitar Nasional termasuk Pusat Data Alam Sekitar di bawah Program EQMP
Launching of National Environmental Command Centre (NECC) including Environmental Data Centre (EDC), under EQMP Programme

Pusat Data Alam Sekitar
Environmental Data Centre (EDC)

PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA

Kes pembakaran terbuka dikesan melalui operasi rondaan mencegah pembakaran terbuka yang dilaksanakan oleh JAS Negeri di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan yang berisiko berlaku kebakaran dan sering menerima aduan daripada orang awam. Di samping itu maklumat hotspots juga diperolehi melalui satelit yang dipantau dan dilaporkan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre* (ASMC) yang berpusat di Singapura. Pada tahun 2017 sebanyak 329 kes hotspots di seluruh negara telah dilaporkan melalui satelit **(Jadual 4.11)**.

Sebanyak 1,868 kes pembakaran terbuka pula telah dikesan pada tahun 2017 **(Jadual 4.12, Jadual 4.13 dan Rajah 4.2)** dan dilaporkan oleh setiap JAS Negeri melalui sistem dalaman JAS iaitu Sistem e-KAS (Modul Pembakaran Terbuka dan Modul Aduan). Kejadian pembakaran terbuka yang utama sering berlaku adalah di kawasan yang dikategorikan sebagai lain-lain (1,159 kes), belukar (145 kes), pertanian (144 kes) dan tapak pelupusan (127 kes) terutamanya semasa cuaca panas dan kering iaitu pada bulan Julai (128 kes) dan Oktober (127 kes). Kes-kes pembakaran terbuka yang termasuk dalam kategori lain-lain antaranya adalah pembakaran sampah sarap di kawasan perumahan, pembakaran sampah sarap di tepi bahu jalan dan pembakaran untuk aktiviti keagamaan atau penyembahan. Daripada 1,868 kes pembakaran terbuka tersebut, 192 kes telah dikompaun dengan jumlah kompaun yang dikutip ialah sebanyak RM 275,000.00.

Berdasarkan kepada data bilangan hotspot serta pembakaran terbuka bagi tempoh 5 tahun kebelakang iaitu dari tahun 2013 sehingga 2017 **(Rajah 4.2)**, tahun 2017 mencatatkan jumlah bilangan hotspot dan kes pembakaran terbuka yang paling rendah. Manakala kes hotspot dan pembakaran terbuka tertinggi dalam tempoh tersebut dicatatkan pada tahun 2014 iaitu bilangan hotspot sebanyak 4,354 dan bilangan kes pembakaran terbuka sebanyak 6,083 kes.

ENFORCEMENT AGAINST OPEN BURNING ACTIVITIES

Open burning cases were detected during daily ground surveillance conducted by DOE State Offices at fire-prone areas, which have frequent public complaints and also through hotspots detected via satellites reported by the ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) based in Singapore. Throughout the year 2017, a total of 329 hotspots were detected via satellites **(Table 4.11)**.

Meanwhile, a total of 1,868 open burning cases were detected in 2017 and these cases were reported in DOE's internal system, which is e-KAS reporting system (Open Burning Module and Complaint Module) by the DOE state offices **(Table 4.12, Table 4.13 and Figure 4.2)**. Frequent open burning incidents were found to occur from activities such as burning of garbage in residential area, garbage burning by roadside and burning of any articles as part of religious rites or worshipping activities (categorised as other activities) (1159 cases), bushes (145 cases), agricultural areas (144 cases) and disposal sites (127 cases), that normally occured during the hot and dry period in the months of July (128 cases) and October (127 cases). Out of 1,868 open burning cases detected, 192 cases were issued with compounds amounting to RM 275,000.00.

According to the data on hotspot numbers and open burning for the 5 year period from 2013 to 2017 **(Figure 4.2)**, 2017 recorded the lowest number of hotspots and open burning cases. While the highest hotspot and open burning cases during the period were recorded in 2014, which 4354 of hotspots and 6083 of open burning cases were recorded.

Jadual 4.11 JAS : Bilangan Kes Hotspot Dikesan Melalui Satelit Mengikut Negeri, 2017 (Sumber: ASMC)
Table 4.11 DOE: Number of HotspotsDetected through Satellite by States, 2017 (Source: ASMC)

Negeri State	Bulan Month												Jumlah Total
	Jan Jan	Feb Feb	Mac March	April April	Mei May	Jun June	Julai July	Ogos Aug	Sep Sept	Okt Oct	Nov Nov	Dis Dec	
Johor	0	0	2	0	0	0	3	2	2	2	0	4	15
Kedah	0	1	2	0	0	0	0	1	0	0	0	0	4
Kelantan	1	0	2	1	1	1	0	2	1	0	1	0	10
Melaka	0	0	0	1	1	0	0	0	1	0	0	0	3
Negeri Sembilan	0	0	1	0	0	0	2	0	0	0	0	0	3
Pahang	0	0	5	4	5	4	16	0	4	6	0	2	46
Perak	1	0	3	0	0	1	1	0	0	0	0	0	6
Perlis	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3
Penang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Sabah	2	1	4	11	1	2	7	24	7	2	3	1	65
Sarawak	12	15	5	9	13	8	30	26	16	9	4	1	148
Selangor	0	0	0	0	0	0	0	2	0	3	0	0	5
Terengganu	0	0	3	5	3	1	2	2	3	1	1	0	21
W.P. KL/ Putrajaya	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
W.P. Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah/ Total	16	17	30	31	24	17	61	59	34	23	9	8	329
JUMLAH KESELURUHAN/ TOTAL : 329													

Jadual 4.12 JAS : Bilangan Hotspot Mengikut Kategori, 2017
Table 4.12 DOE: Number of Hotpots by Category, 2017

Negeri State	Kategori Categories							
	Ladang Plantation	Pertanian Agriculture	Belukar Bushes	Hutan Forest	Tapak Pembinaan Construction Sites	Tapak Pelupusan Disposal Sites	Industri Industry	Lain-lain others
Johor	10	10	9	2	14	12	0	133
Kedah	1	8	17	6	5	8	3	69
Kelantan	12	5	3	6	3	0	0	30
Melaka	4	5	7	0	2	4	3	58
Negeri Sembilan	3	11	5	0	3	5	0	39
Pahang	10	4	27	26	11	15	2	37
Perak	5	7	8	7	6	5	2	93
Perlis	1	2	1	0	0	0	0	3
P.Pinang	3	12	5	3	1	10	0	165
Sabah	7	32	3	15	3	9	2	89
Sarawak	34	38	39	27	0	1	14	68
Selangor	3	5	3	2	9	44	1	196
Terengganu	1	2	11	5	2	1	7	52
W.P. KL /Putrajaya	0	2	7	0	7	13	0	122
W.P. Labuan	0	1	0	0	0	0	0	5
Jumlah / Total	94	144	145	99	66	127	34	1159
JUMLAH KESELURUHAN/ TOTAL : 1868								

Jadual 4.13 JAS : Bilangan Hotspot Mengikut Bulan dan Kategori, 2017
Table 4.13 DOE: Number of Hotspot by Month and Category, 2017

Bulan Month	Kategori Categories							
	Ladang Plantation	Pertanian Agriculture	Belukar Bushes	Hutan Forest	Tapak Pembinaan Construction Sites	Tapak Pelupusan Disposal Sites	Industri Industry	Lain-lain others
Januari / January	4	14	14	3	4	8	1	96
Februari / February	7	11	12	10	8	10	1	82
Mac / March	8	7	16	16	3	13	0	87
April / April	3	8	9	12	7	12	0	83
Mei / May	9	9	18	7	10	10	5	95
Jun / June	7	5	3	7	5	15	7	95
Julai / July	14	33	15	15	11	15	5	128
Ogos / August	14	20	16	10	4	13	6	117
September / September	11	9	13	5	2	8	4	71
Oktober / October	8	19	12	8	7	7	2	127
November / November	2	4	7	2	3	5	1	65
December / December	7	5	10	4	2	11	2	113
Jumlah / Total	**94**	**144**	**145**	**99**	**66**	**127**	**34**	**1159**
JUMLAH KESELURUHAN / TOTAL : 1,868								

Nota/Note :
*Lain-lain - Pembakaran sampah sarap di kawasan perumahan, tepi jalan dan aktiviti keagamaan/penyembahan
*Others - Burning garbage in residential areas, streets and religious activities / worship



Rajah 4.2 JAS: Bilangan Kes Pembakaran Terbuka Mengikut Kategori, 2017
Figure 4.2 DOE: Number Of Open Burning Cases By Categories,2017



Rajah 4.2 JAS : Bilangan hotspot dan kes pembakaran terbuka dari tahun 2013 sehingga tahun 2017
Figure 4.2 DOE : Number of hotspot and open burning cases from 2013 to 2017

PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA
ENFORCEMENT AGAINST OPEN BURNING ACTIVITIES

Taburan bilangan kes pembakaran terbuka pada tahun 2017
Distribution number of open burning cases in 2017



1868
Kes pembakaran terbuka pada tahun 2017
Open burning cases in 2017

329
Bilangan hotspot
Number of hotspot

RM 275,000
Kompaun dibayar
Compounds paid

192
Kompaun dikeluarkan
Compounds issued

PROTOKOL MONTREAL DAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON

Latarbelakang

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Vienna bagi Perlindungan Lapisan Ozon dan Protokol Montreal mengenai Bahan-bahan Pemusnah Lapisan Ozon pada 29 Ogos 1989. Sebagai negara Parti kepada Protokol Montreal, Malaysia telah memenuhi obligasi untuk menghentikan pengimportan klorofluorokarbon (CFC), halon dan karbon tetraklorida (CTC) mulai 1 Januari 2010. Manakala bahan pemusnah ozon seperti metil bromida telah dikawal pengimportan mulai 1 Januari 2015 untuk kegunaan kuarantin dan pra perkapalan. Manakala penghapusan hidroklorofluorokarbon (HCFC) sedang dijalankan dan akan diberhentikan pengimportan menjelang tahun 2030.

Pematuhan Terhadap Protokol Montreal

Bagi fasa seterusnya Malaysia perlu menghapuskan penggunaan HCFC secara berperingkat mulai 2013 sehingga dihapuskan sepenuhnya menjelang 2030 seperti yang telah ditetapkan di bawah Protokol Montreal. Bagi mencapai sasaran ini, Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP) telah digubal yang menggariskan polisi dan strategi jangka panjang untuk menghapuskan penggunaan HCFC mulai tahun 2012 hingga 2040. **Jadual 4.14** menunjukkan jadual strategi dan polisi dalam pelaksanaan HPMP. **Rajah 4.3** menunjukkan jadual penghapusan HCFC dalam mematuhi Protokol Montreal di mana HCFC akan dikurangkan sebanyak 10% menjelang 2015, 35% pada 2020, 67.5 % pada 2025, 97.5 % pada tahun 2030 (dengan 2.5 % dihadkan kepada penggunaan untuk penyenggaraan sahaja) dan HCFC menjadi larangan mutlak pada tahun 2040. **Rajah 4.4** menunjukkan pengimportan HCFC pada tahun 2017 yang berjumlah 3,833.66 metrik tan.

MONTREAL PROTOCOL AND PROTECTION OF THE OZONE LAYER

Background

Malaysia ratified the Vienna Convention for the Protection of the Ozone Layer and the Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer on 29th August, 1989. As a Party to the Montreal Protocol, Malaysia has complied with the obligation to stop importing chlorofluorocarbon (CFC), halon and carbon tetrachloride (CTC) as of 1st January, 2010. Other ozone depleting substances such as methyl bromide will only be allowed for quarantine and pre shipment activities from 1st January, 2015 while hydrochlorofluorocarbon (HCFC) will be phased out by 2030.

Compliance to Montreal Protocol

Malaysia is obligated to phase out HCFC in stages by 2030 under the Montreal Protocol starting from 2013. To meet the phase out target, the HCFC Phase-out Management Plan (HPMP) was formulated that outlined the policies and long term strategies for the phase-out of HCFC starting from 2012 until 2040. **Table 4.14** shows the policies and strategies of HPMP. **Figure 4.3** shows the HCFC phase out schedule for Malaysia whereby HCFC will be reduced by 10 % in 2015, 35% in 2020, 67.5% in 2025 , 97.5% by 2030 (2.5% is strictly for servicing sector) and subsequently total ban on HCFC will be imposed by 2040. **Figure 4.4** shows the importation of HCFC in 2017 amounted to 3,833.66 metric tonnes.

Pada 1 Januari 2013, selaras dengan pewartaan Perintah Kastam (Larangan Import) 2012 pada 31 Disember 2012 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2013, Malaysia telah melaksanakan sistem kuota bagi mengimport HCFC oleh pengimport yang berdaftar dengan JAS. Permohonan permit kelulusan atau *Approved Permit* (AP) diproses melalui sistem atas talian, e-Permit mengikut agihan kuota HCFC yang diperuntukkan berdasarkan garis dasar atau tahap pembekuan berjumlah sebanyak 515.8 ODPT (*Ozone Depleting Potential Tonnes*) atau sebanyak 7,900 Metrik Tan.

On 1st January, 2013, Malaysia implemented the quota system for the importation of HCFC. Application for Approval Permit (AP) was processed by DOE through an online 'e-Permit' system within the quota given with the total amount of HCFC allocated according to baseline level or freeze limit of 515.8 ODPT (ozone depleting potential tonnes) or 7900 metric tonnes.

Sistem atas talian,"e-Permit", telah diwujudkan untuk memproses dan seterusnya meluluskan permohonan import dan eksport HCFC. Sistem atas talian ini melibatkan jaringan diantara pengimport/pengeskport berdaftar HCFC, Jabatan Alam Sekitar dan Sistem Maklumat Kastam (SMK), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Sistem ini diwujudkan selaras dengan kehendak strategi HPMP iaitu pelaksanaan sistem Kelulusan Permit (AP) dan kuota bagi kawalan import HCFC. Bagi tahun 2017, sebanyak 214 permohonan untuk mengimport HCFC telah diterima daripada enam belas (16) pengimport berdaftar dan sebanyak lapan (8) permohonan untuk mengeksport HCFC telah diterima melalui sistem e-Permit.

The on-line system, "e-Permit", was developed to process and approve import and export of HCFC from registered importers and exporters. The on-line system is a linkage network between the HCFC importers/exporters, Department of Environment Malaysia and the Customs Information System of the Royal Customs of Malaysia. The establishment of this system is in line with the HPMP strategy which is the implementation of Approved Permit (AP) and quota system for import of HCFC. In 2017, 214 applications to import HCFC from sixteen (16) registered importers and eight (8) applications to export HCFC were received via the system.

Jadual 4.14 JAS : Polisi dan strategi perundangan Pelan Penghapusan HCFC (HPMP) (2012-2040)
Table 4.14 DOE : Policies and regulatory actions of HCFC Phase Out Management Plan (HPMP) (2012-2040)

Tahun Year	Polisi dan Tindakan Perundangan Policies and Regulatory Actions
2012	Mewujudkan sistem AP bagi pengagihan kuota import HCFC berdasarkan baseline atau purata import 2009/2010 Establishment of AP for HCFC import quota based on National average consumption for 2009/2010
	Meminda perundangan sedia ada untuk mengawal penggunaan, import, pembuatan, pemasangan produk dan peralatan yang menggunakan HCFC Amend existing legislation for control on the use, import, manufacture, assembly or installation of products and equipment using HCFCs.
2013	Mewujudkan sistem perlesenan untuk mengeksport semula gas HCFC Licence re-export of HCFC chemicals
	Pelaksanaan sistem AP pada 1 Januari 2013 mengikut Jadual Pembekuan Protokol Montreal Implement Approved Permit (AP) system for HCFC import (by Jan 2013)
	Larangan menambah (expansion) atau membina fasiliti pembuatan baru menggunakan HCFC Prohibit expansion of new manufacturing facilities using HCFCs
	Promosi menggunakan bahan alternatif melalui pemberian insentif Promote the use of alternatives through incentives
	Latihan dan Pensijilan bagi pekerja yang mengendalikan HCFC Undertake certification of skilled workers trained to handle HCFCs
2015	Larangan bagi membuat, memasang dan mengimport peralatan penyaman udara menggunakan HCFC yang berkuasa 2.5 hp dan ke bawah (untuk penggunaan dalam Malaysia) Prohibit the manufacture, assembly and import of HCFC-based air-con equipment of 2.5hp and below (for use in Malaysia)
	Mewartakan HCFC sebagai bahan terkawal Include HCFCs as restricted gas
	Larangan ke atas pengimportan polyol yang mengandungi HCFC Prohibit import of pre-blended polyols with HCFCs
2020	Larangan membuat, memasang dan mengimport semua barangan dan peralatan yang menggunakan HCFC kecuali bagi penggunaan khas (essential use) Prohibit the manufacture, assembly and import of all products and equipment using HCFCs (except for essential uses)
	Larangan menggunakan HCFC 141b sebagai agen pengembang Prohibit the use of HCFC 141b as blowing agent
	Larangan pembuatan dan pemasangan baru sistem pemadam api yang menggunakan HCFC Prohibit the use of HCFC in the manufacturing and installation of new fire extinguishing systems
2025	Larangan pemasangan baru semua barangan dan peralatan yang menggunakan No more new installation of products and equipment using HCFCs
2030	Pemberian AP terhad kepada 2.5% daripada jumlah baseline dan hanya untuk sektor servis sahaja AP limited to 2.5% of baseline and for servicing use only
2040	Larangan mutlak pengimportan HCFC mulai 1 Januari 2040 Total ban on the import and use of HCFCs.



Rajah 4.3 JAS : Jadual Penghapusan HCFC

Figure 4.3 DOE : HCFC Phase Out Schedule Consumption

Rajah 4.4 JAS : Tren Penggunaan HCFC Di Malaysia, 1996-2017

Figure 4.4 DOE : HCFC Consumption Trend in Malaysia, 1996-2017

Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP)

Pada 21 Mac 2011, Kabinet telah meluluskan strategi Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP). Malaysia telah menerima bantuan kewangan sejumlah USD 9,587,470 bagi pelaksanaan HPMP Peringkat 1 dari Tabung Multilateral Protokol Montreal (MLF). Pada Mesyuarat ke 77 *Executive Commitee (ExCOM) for the Implementation of Montreal Protocol* yang telah diadakan pada 3 November 2016, mesyuarat telah meluluskan Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC Peringkat II berjumlah sebanyak USD 6,138,063 lagi bagi penghapusan 146.24 ODP Tan HCFC. Pelan HPMP Peringkat II ini telah diluluskan bagi projek-projek termasuk penukaran teknologi kepada ODP sifar dan rendah GWP kepada 67 industri kecil dan sederhana dari sektor busa, latihan juruteknik servis dan projek-projek bantuan teknikal dalam sektor penyejukbekuan dan penyamanan udara.

Pelaksanaan Pelan HPMP Peringkat II ini adalah dari tahun 2017 sehingga 2022. Tumpuan pada dua (2) tahun pertama 2017 hingga 2019 diberikan terhadap sepuluh (10) industri busa yang menggunakan lebih dari 20 MT HCFC 141b bagi penghapusan dalam sektor busa manakala lima puluh tujuh (57) industri busa kecil dan sederhana yang lain diberi peluang terus menggunakan HCFC 141b sehingga tahun 2022. Ini bertujuan memberi peluang kepada pihak industri memilih alternatif yang bersifat sifar ODP serta rendah GWP selain kos yang kompetitif dan teknologi yang boleh diterima pakai digunakan apabila ianya tersedia di pasaran.

Manakala, projek-projek di bawah sektor penyejukbekuan dan penyaman udara (RACs) terbahagi kepada empat (4) komponen utama iaitu latihan juruteknik servis termasuk refrigeran yang bersifat rendah GWP dan yang mudah terbakar, latihan pegawai penguatkuasaan bagi memantau dan mengawal pengimportan bahan pemusnah ozon, pembelian peralatan bagi demonstrasi amalan baik di dalam sektor servis refrigeran dan refrigeran yang bersifat mudah terbakar kepada Pusat Latihan Bertauliah (ATC) dengan melengkapkan peralatan latihan dan meningkatkan pembangunan kapasiti kepada dua (2) Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) yang dilantik iaitu Industrial Training Institute Kepala Batas dan UNIKL-MFI.

The HCFC Phase-out Management Plan (HPMP)

On 21st March, 2011, the Cabinet approved the HCFC Phase-Out Management Plan (HPMP) strategy. Malaysia received financial assistance amounting to USD 9,587,470 for the implementation of HPMP Stage 1 from the Montreal Protocol Multilateral Fund (MLF). At the 77th Executive Commitee Meeting (ExCOM) for the Implementation of the Montreal Protocol held on 3rd November 2016 approved the HPMP Stage II for a total of USD 6,138,063 for the phase-out of 146.24 ODP Ton HCFC. HPMP Stage 2 Plan has been approved for projects including the conversion technology of zero ODP dan low GWP to 67 small and medium industries from the foam sector, service technician training and technical assistance projects in the refrigeration and servicing sector.

The Implementation of the Stage II HPMP Plan is from 2017 to 2022. The focus during the first two (2) years 2017 to 2019 implementation are to the ten (10) foam industries using more than 20 MT HCFC 141b for the phase – out of HCFC 141b in the foam sector. While the other fifty-seven (57) small and medium foam industries (SMEs) to continue using HCFC 141b until 2022. This is to allow the industries to choose alternatives that are zero ODP and low GWP as well as competitive costs and acceptable technologies when there are available in the market.

Meanwhile, under the refrigeration and servicing sector (RACs), projects are divided into four (4) major components namely service technician training which includes low GWP and flammable refrigerants, training for enforcement officers to monitor and control the importation of ozone-depleting substances, procurement of equipment for good practice demonstrations in the refrigeration service sector and flammable refrigerant to the Accredited Training Center (ATC) through providing training equipment and enhancing capacity building to the two (2) appointed Center of Excellence which are Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas dan UNIKL-MFI.

Pada 8 Mei 2017, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar , Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah merasmikan Seminar HPMP Peringkat II. Seminar turut disertai dan ucaptama dari *Chief of Montreal Protocol and Chemical Unit UNDP New York*, Ms Xiao Fang. Majlis perasmian telah disertai oleh lebih kurang 500 peserta yang terdiri dari agensi Kerajaan dan pihak industri termasuk wakil UNDP, Malaysian Air Conditioning & Refrigeration Association (MACRA), Pusat Latihan Bertauliah (ATC), pihak swasta, serta badan bukan kerajaan (NGOs). Majlis tersebut telah menyaksikan penyampaian perjanjian (*Memorandum of Aggrement*) kepada sepuluh (10) premis sektor busa yang penggunaannya melebihi 20 MT serta pelantikan UNIKL-MFI dan Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas sebagai Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*).

On 8th May 2017, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Minister of Natural Resources and Environment officiated the Stage II HPMP Seminar. UNDP New York Chief of Protocol and Chemical Unit, Ms. Xiao Fang also attended the Seminar. The opening ceremony was attended by about 500 participants from Government agencies and industry including representatives from the UNDP, the Malaysian Air Conditioning & Refrigeration Association (MACRA), the Certified Training Center (ATC), the private sector, and NGOs. The ceremony has witnessed the delivery of the Memorandum of Agreement to the ten (10) foams industry with over 20 MT usage and the appointment of UNIKL-MFI and Kepala Batas Industrial Training Institute as Centre of Excellence.

Seminar HPMP Peringkat 2 bertempat di Saujana Hotel Kuala Lumpur pada 8 Mei 2017
Stage 2 HPMP Seminar at Saujana Hotel Kuala Lumpur on 8th May, 2017

Pada 21 Ogos hingga 23 Ogos 2017, satu sesi *Consultative Workshop With The International Experts In Foam Sector For HCFC Phase-Out Management Plan - Stage* 2 telah diadakan di Grand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Selangor. Sesi konsultatif bersama kumpulan pakar busa antarabangsa ini diadakan dengan kerjasama UNDP dan Seksyen Perlindungan Ozon, Bahagian Udara bersama dengan semua pemilik industri busa dan *system houses* yang terdapat di Malaysia. Bengkel ini bertujuan bagi berkongsi maklumat dan pengetahuan teknikal di dalam memberi panduan dan nasihat untuk melaksanakan aktiviti penghapusan HCFC. Seminar serta lawatan ke lapangan ke beberapa premis busa diadakan bagi mendapatkan maklumat serta memberi nasihat dan halatuju kepada premis bagi pelaksanaan penghapusan HCFC di bawah Pelan HPMP Peringkat II ini.

In 21st August to 23rd August, 2017, a consultative workshop with The International Experts In Foam Sector For HCFC Phase-Out Management Plan - Stage 2 was held at Grand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Selangor. A consultative session and visits to foam premises with the international foam experts was conducted in collaboration with UNDP and the Ozone Protection Section, Air Division, Department of Environment Malaysia together with all foam industry owners and system houses. The workshop aims to share information and technical knowledge in providing guidance and advice on the conversion technologies to the industries.

Bengkel Konsultatif dengan pakar antarabangsa dalam Sektor Busa HPMP *Stage 2* pada 21 Ogos 2017 di Hotel Blue Wave Shah Alam Selangor.
Consultative Workshop with international experts in the HPMP Stage 2 for Foam Sector on 21st August 2017 at Blue Wave Hotel Shah Alam Selangor.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan projek di bawah HPMP Peringkat 1 berjalan lancar dan selesai pada Jun 2017 dimana projek bagi Pusat Kitar Semula dan tebusguna bahan pemusnah ozon iaitu kepada enam (6) lokasi yang telah dikenalpasti dan projek demonstrasi sistem penyejukan CO_2 telah disempurnakan. Kejayaan pelaksanaan HPMP ini akan membolehkan pengurangan sebanyak 77.36 ODP tan penggunaan HCFC dan akan mengurangkan sebanyak 1.35 juta tan pelepasan langsung karbon dioksida (CO_2 equivalent).

In overall, the implementation of the project under HPMP Stage 1 went smoothly and completed in June 2017 within the completion of the last two projects. The project for the ODS Recycling and Reclaim Centres were at six (6) identified premises and a demonstration project using carbon dioxide as alternatives refrigerant at one of supermarket in the Klang Valley. The successful implementation of HPMP will enable a reduction of 77.36 ODP tonnes of HCFC consumption and will reduce by 1.35 million tons of direct carbon dioxide (CO2 equivalent).

Satu siri latihan telah diadakan untuk memberi maklumat mengenai teknologi terkini kepada agensi penguatkuasa dalam usaha menghapuskan penggunaan HCFC. Pada tahun 2017 latihan kepada 67 orang pegawai penguatkuasaan dari Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) dan JAS telah diadakan pada 23 Julai hingga 27 Julai 2017 bertempat di KSL Hotel And Resort, Johor Bahru, Johor. Siri latihan ini memberi pendedahan mengenai kawalan import dan eksport bahan pemusnah ozon dan memberi penekanan kepada pencegahan penyeludupan bahan tersebut. Para peserta juga didedahkan mengenai tatacara penggunaan alat pengesan refrigeran (*Refrigerant Identifier*).

A series of trainings was held to provide information on the latest technologies to enforcement agencies as an effort to eliminate HCFC use. In 2017, a training to 67 enforcement officers from Royal Malaysian Customs Department and DOE was held from 23rd July to 27th July, 2017 at KSL Hotel and Resort, Johor Bahru, Johor. This training provides information on the import and export control of ozone depleting materials and emphasize on the prevention and smuggling of the substances. The participants were also given the exposure on the procedure of using the refrigerant identifier.

Kursus Kawalan Bahan Pemusnah Ozon bagi Pegawai Penguatkuasa dari JKDM dan JAS.
Course on Control of Ozone Depleting Substances for enforcement officer from RMCD and DOE ص

Pengurusan Halon

Halon tidak lagi digunakan bagi pemasangan baru sistem mengawal kebakaran dan alat-alat pemadam api di Malaysia. Sebaliknya, air, karbon dioksida, gas "inert" atau bahan kimia HFC kini digunakan sebagai alternatif. Walau bagaimanapun kegunaan halon masih dibenarkan untuk tujuan terhad kepada sistem keselamatan kawalan kebakaran tentera dan penerbangan awam sepertimana dipersetujui di bawah Protokol Montreal. Pada tahun 2017, Pusat Bank Halon Kebangsaan yang dikelolakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat telah telah melaporkan sebanyak 85,225 kg jenis Halon 1301 dan 7,144 kg Halon 1211 disimpan di Pusat tersebut. Penggunaan sebarang sistem pencegahan kebakaran yang menggunakan alternatif kepada halon perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terlebih dahulu sebelum sistem tersebut digunakan.

Halon Management

Halon is no longer used in Malaysia for new installation of fire protection systems and fire extinguishers. Instead, water, carbon dioxide, inert gas or chemical powders are now being used as alternatives. However, halon usage is still allowed but it is restricted only for essential use in fire safety protection systems in military and civil aviation industries, as agreed under the Montreal Protocol. In 2017, the National Halon Bank managed by the Fire and Rescue Department in Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan recorded that 85225 kg of Halon 1301 and 7144 kg Halon 1211 and stored in the Bank. Prior written approval from the Fire and Rescue Department of Malaysia is required for the use of alternatives to halon in any new fire-fighting system.

Program Pentauliahan Juruteknik Servis (CSTP) Bagi Sektor Penyejukbekuan dan Penyaman Udara (RACs)

Pentauliahan kepada juruteknik atau pengendali servis sektor refrigeran merupakan salah satu keperluan di dalam Peraturan–Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Sektor servis refrigeran merupakan penyumbang utama kepada penggunaan HCFC dalam negara. Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar melalui Pusat Latihan Bertauliah (ATC) yang terdiri daripada institut latihan awam dan swasta menganjurkan siri latihan CSTP khusus kepada juruteknik sektor ini mengenai pematuhan terhadap Protokol Montreal. Penekanan terhadap tatacara dan kod etika yang betul di dalam pengendalian refrigeran juga diberikan semasa sesi latihan sebagai usaha untuk mengelakkan pelepasan refrigeran ke persekitaran secara sengaja ataupun tidak sengaja.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 245 siri latihan telah dijalankan oleh ATC untuk melatih dan mentauliahkan juruteknik-juruteknik atau pengendali sistem refrigeran selaras dengan kehendak Peraturan 5, Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Jabatan Alam Sekitar juga mengadakan lawatan audit ke ATC yang terpilih semasa mereka menjalankan latihan bagi memastikan sesi latihan dijalankan dengan lancar dan mematuhi kehendak Jabatan.

Certified Service Technician Program (CSTP) for Refrigeration and Air-Conditioning Sectors (RACs)

Certification to technicians or the person handling refrigerants in service sector is one of the requirements under the Environmental Quality Act (Refrigerant Management) 1999. The Department of Environment Malaysia through the appointed Authorized Training Centre (ATC) which consists of the government and private training institutes organized series of certification training program for the technicians in this sector. The certification training program focuses on the country's obligation in Montreal Protocol and best practices in refrigerant management during servicing to prevent the release of refrigerant to the atmosphere.

In 2017, 245 series of training had been organized by ATC to train the technicians and refrigerant handlers and certify them with regards to the requirement of Regulation 5, Environmental Quality (Refrigerant Management) Regulations 1999. Department of Environment also did auditing on the selected ATCs to ensure that the CSTP program were handled smoothly and comply with the Department's requirement.

Di samping itu, Seksyen Perlindungan Ozon (SPO) Bahagian Udara, JAS telah menganjurkan satu bengkel bagi tenaga pengajar baru (*Master Trainer*) dari ATC telah diadakan pada 17 April hingga 21 April 2017 di Hotel Geno, Shah Alam Selangor yang bertujuan untuk memberi pentauliahan kepada tenaga-tenaga pengajar menjalankan menjalankan Program Persijilan Juruteknik Bertauliah (CSTP) sektor Penyejukbekuan dan Penyaman Udara (RACs).

The Ozone Protection Section under the Air Division of the DOE had organized a workshop for new Master Trainer from the ATC from 17th April to 21st April, 2017 at Hotel Geno, Shah Alam, Selangor. The objective of this programme was to certify the trainers from the ATC who conduct the Certification Service Technician Programme (CSTP) for RAC Sector.

Bengkel *Master Trainer for Technician in Refrigeration and Air Conditioning Servicing Sector* anjuran Jabatan Alam Sekitar Malaysia yang telah diadakan pada 17 April - 21 April 2017 di Hotel Geno, Shah Alam, Selangor.
Master Trainer Workshop for Technician in Refrigeration and Air Conditioning (RACs) Servicing Sector organized by Department of Environment was held from 17th April - 21st April, 2017 at Geno Hotel, Shah Alam, Selangor.

Program dan Kempen Kesedaran

Sambutan Hari Ozon Antarabangsa disambut diseluruh dunia setiap tahun pada 16 September sejak tahun 1994 bagi memperingati komitmen negara Parti kepada Protokol Montreal ke atas obligasi melindungi lapisan ozon. Sempena Sambutan 30 tahun Protokol Montreal, tema bagi tahun 2017 adalah "Caring for All Life Under the Sun" serta disokong dengan kempen "We are all Ozone Heroes" yang dilaksanakan dengan kolaborasi Ozone Secretariat dengan Marvel Comics. Kempen ini dilancarkan bertujuan bagi memberi semangat tidak kira latarbelakang dan kedudukan untuk bersama-sama melakukan perubahan dalam melindungi lapisan ozon serta meraikan kejayaan Protokol Montreal sebagai salah satu Perjanjian Perbagai Hala yang telah berjaya dalam memulihara lapisan ozon dan seterusnya mengurangkan kesan perubahan iklim.

Awareness Programme and Campaign

The International Ozone Day celebration is celebrated globally every year on September 16 since 1994 to commemorate Party's commitment to the Montreal Protocol on protecting the ozone layer. In conjunction with the 30th Anniversary of the Montreal Protocol, the theme for 2017 is "Caring for All Life Under the Sun" and is supported by the "We are all Ozone Heroes" campaign organised by the Ozone Secretariat in collaboration with Marvel Comics. The campaign was launched with the aim to encourage the public from all walks of life to make changes in protecting the ozone layer and celebrates the success of the Montreal Protocol as one of the Multilateral Environmental Agreements that has succeeded in conserving the ozone layer and in reducing the impact of climate change.

Sambutan Hari Ozon Antarabangsa pada setiap tahun mencerminkan usaha bersepadu masyarakat antarabangsa untuk menghasilkan persekitaran yang sihat demi kepentingan generasi akan datang. Sambutan Hari Ozon pada tahun 2017 telah diadakan pada 5 Oktober 2017 di Hotel Pullman, Putrajaya. Ianya telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Hadir sama adalah YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama- sama seramai lebih kurang 500 orang tetamu yang terdiri daripada agensi Kerajaan dan pihak industri termasuk wakil UNDP, Malaysian Air Conditioning & Refrigeration Association (MACRA), Pusat Latihan Bertauliah (ATC), pihak swasta, badan bukan kerajaan serta murid – murid sekolah di sekitar Putrajaya.

The International Ozone Day celebration annually reflects the international community's efforts to produce a healthy environment for the sake of future generations. The Ozone Day celebration in 2017 was held on 5th October, 2017 at Hotel Pullman, Putrajaya. It was officially opened by YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Minister of Natural Resources and Environment. Also present was YBhg. Dato 'Sri Azizan Bin Ahmad, Secretary General of the Natural Resources and Environment Ministry together with approximately 500 guests comprising government Agencies And Industry Including UNDP, Malaysian Air Conditioning & Refrigeration Association (MACRA), Certified Training Center ATC), private sector, non - governmental organizations as well as school children around Putrajaya.

Bersempena dengan majlis perasmian tersebut, YB Menteri juga telah melancarkan Dokumen Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC Peringkat II di mana kemuncak majlis pelancaran adalah kemunculan "Iron Man" sebagai "Ozone Hero" iaitu mencerminkan wira ozon di dalam usaha melindungi lapisan ozon. Di samping itu, poster sambutan 30 Tahun Hari Ozon Antarabangsa yang diterbitkan oleh *United Nation Environment* bersama bahan-bahan risalah kesedaran perlindungan lapisan ozon telah dicetak dan diedarkan kepada para tetamu dan pengunjung pameran pada hari tersebut.

In conjunction with the opening ceremony, the YB Minister also launched the HCFC Stage 2 Management Plan Document where the highlight of the launching ceremony was the apperance of "Iron Man" as "Ozone Hero" which resembled the ozone hero in protecting the ozone layer. In addition , the International Ozone Day Celebration 30th anniversary poster published by the United Nation Environment with ozone layer protection awareness materials has been printed and distributed to all guests and exhibitors on that day.

Perutusan YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah disiarkan di dalam akhbar tempatan dan laman web, *Instagram* dan *Facebook* Kementerian dan JAS pada 16 September 2017.

On 16th September, 2017, YB Minister of Natural Resources and Environment Message on the International Ozone Day Celebration was published in the local newspapers as well as in Instagram and Facebook of Ministry of Natural Resources and DOE's facebook.

Mesyuarat *The Joint 11th Conference Of The Parties To The Vienna Convention dan The 29th Meeting Of Parties to the Montreal Protocol* telah diadakan di Montreal, Kanada pada 20 November hingga 24 November 2017. Delegasi Malaysia telah di ketuai oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Seri Azizan Ahmad. Beliau telah membacakan *Country Statement* mewakili Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia semasa sesi Pegawai Peringkat Tinggi. Bersempena dengan sambutan ulangtahun ke 30 Protokol Montreal, Puan Aminah Ali telah menerima anugerah Kategori Kepimpinan Pelaksanaan Dasar dan Polisi semasa upacara *Ozone Awards* pada 23 November 2017.

The Joint 11th Conference of the Parties To the Vienna Convention and The 29th Meeting Of Parties to the Montreal Protocol was held on 20th November to 24th November, 2017 in Montreal, Canada. Malaysian delegation was led by the Permanent Secretary, Ministry of Natural Resources and the Environment Malaysia Dato' Seri Azizan Ahmad. On behalf of the Minister of Natural Resources and the Environment, the Country Statement was read during the High Level Segment. In conjunction with the 30th Anniversary of Montreal Protocol, the DOE ozone officer Madam Aminah Ali received the Ozone Awards for the category of Outstanding Leadership in Policy Implementation on 23rd November, 2017.

Kemunculan Iron Man semasa kemuncak pelancaran Dokumen Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC (HPMP) Peringkat II
Iron Man's appearance as the highlight during the launching of the Stage II HCFC Phase-Out Management Plan Document (HPMP)

Perutusan YB Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sempena Hari Ozon Antarabangsa pada 16 September 2017
Message of the Minister of Natural Resources and Environment in conjunction with International Ozone Day on 16th September, 2017

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama para tetamu yang hadir
YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Minister of Natural Resources and Environment with the guests

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar , YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha dan Dato Dr. Ahmad Kamarulnajuib Bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar di ruang pameran
YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar, Minister of Natural Resources and Environment, YBhg. Dato 'Sri Azizan Bin Ahmad, Secretary-General and Dato Dr. Ahmad Kamarulnajuib Bin Che Ibrahim, Director General of the Department of Environment at the exhibition hall

Delegasi Malaysia ke Mesyuarat *The Joint 11th Conference Of The Parties To The Vienna Convention* dan *The 29th Meeting Of Parties to the Montreal Protocol* telah diadakan di Montreal, Kanada pada 20 November hingga 24 November 2017.

Malaysia Delegation at The Joint 11th Conference Of the Parties To The Vienna Convention dan the 29th Meeting Of Parties to the Montreal Protocol.

Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Seri Azizan Ahmad membacakan "Country Statement" di Mesyuarat *The 29th Meeting of Parties to the Montreal Protocol* pada 20 November hingga 24 November 2017 di Montreal, Canada.

The Permanent Secretary, Ministry of Natural Resources and the Environment Malaysia Dato' Seri Azizan Ahmad reading out the Country Statement during The 29th Meeting of Parties to the Montreal Protocol on 20th November to 24th November, 2017 in Montreal, Canada.

Jadual 4.15 JAS : Aktiviti-Aktiviti Latihan dan Kesedaran 2017
Table 4.15 DOE : Training and Awareness Activities 2017

Tarikh Date	Aktiviti & Program Activities & Programmes	Tempat Venue
16 Mac 2017	Seminar on Update On Refrigerants: Upcoming Major Impact On The Air-Conditioning Industry by MACRA	Hotel Pullman, Kuala Lumpur
23 Mac 2017	Seminar On Carbon Dioxide (CO_2) Refrigeration System Demonstration Project Under Hydroclouroflourocarbon Phase-Out Management Plan (HPMP) Stage 1	Hotel Marriot,Putrajaya
17-21 April 2017	Master Trainer Workshop for Technician in Refrigerant and Air Conditioning(RACs) Servicing Sector	Geno Hotel, Shah Alam Selangor
7 – 9 Mei 2017	Refrigerant,Management Course R32 and Carbon Dioxide (R744) in Refrigeration System	Saujana Hotel, Kuala Lumpur
8 Mei 2017	Seminar on Hydrochlorouflourocarbon Phase-Out Management Plan (HPMP) Stage II	Saujana Hotel, Kuala Lumpur
14 Jun 2017	Seminar on Refrigerants Phase Out: Way Forward in Malaysia	Dorsett Hotel, Putrajaya
23- 27 Julai 2017	Enforcement Course for Customs Officers on Ozone Depleting Substances (ODS)	Hotel KSL, Johor Bahru, Johor
20 – 24 Ogos 2017	HCFC Phase Out Management Plan Stage II – Consultative Workshop With International Experts In Foam Sector	Hotel Blue Wave, Shah Alam,Selangor
3 – 6 Oktober 2017	Master Trainer Refresher Course On Refrigerant Management In ODS Reclaimation Project And Carbon Dioxide (CO_2)	Pullman Hotel, Putrajaya
5 Oktober 2017	International Ozone Day Celebration	Pullman Hotel, Putrajaya
11-13 Disember 2017	Malaysia-Timor Leste South – South Cooperation on Capacity Building for the Implementation of Montreal Protocol	Putrajaya

Jadual 4.16 JAS : Mesyuarat yang dihadiri 2017
Table 4.16 DOE : Meetings Attended in 2017

Tarikh Date	Mesyuarat Meeting	Tempat Venue
3 – 7 April 2017	The 78th Meeting of the Executive Committee of Multilateral Fund of Montreal Protocol	Montreal, Canada
2 - 5 Mei 2017	Network Meeting and Thematic Workshops for Asia and the Pacific National Ozone Officers	Phuket, Thailand
3 - 7 Julai 2017	The 79th Meeting of the Executive Committee of Multilateral Fund of Montreal Protocol	Bangkok, Thailand
10 Julai 2017	Workshop on Safety Standard relevant to Low GWP alternatives	Bangkok, Thailand
11 - 14 Julai 2017	39th Open Ended Working Group Meeting	Bangkok, Thailand
13 - 17 November 2017	The 79th Meeting of the Executive Committee of Multilateral Fund of Montreal Protocol	Montreal, Canada
20 – 24 November 2017	The 29th Meeting of Parties to the Montreal Protocol	Montreal, Canada

KENDERAAN BERMOTOR

Sehingga akhir tahun 2017, sebanyak 28,738,194 buah kenderaan bermotor telah berdaftar di Malaysia, iaitu pertambahan sebanyak 1,125,074 buah kenderaan (4.07%) berbanding tahun 2016. Pecahan keseluruhan kenderaan bermotor yang berdaftar mengikut jenis kenderaan adalah seperti di **Rajah 4.5.**

Dari sejumlah 1,125,074 buah kenderaan baru yang didaftarkan dalam tahun 2017, kategori kereta merupakan yang tertinggi iaitu sebanyak 583,437 unit (51.86%) diikuti motosikal sebanyak 495,989 unit (44.09%), manakala sebanyak 45,648 unit (4.06%) adalah dari lain-lain jenis kenderaan termasuk lori, bas, van dan sebagainya.

Taburan bilangan kenderaan bermotor di Malaysia mengikut negeri adalah seperti di **Rajah 4.6.** Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendahului negeri-negeri lain dengan mempunyai bilangan kenderaan yang tertinggi iaitu sebanyak 6,441,342 unit (atau 22.41%) daripada keseluruhan bilangan kenderaan yang berdaftar di negara ini, diikuti oleh negeri Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Perak.

Kawalan Pelepasan Asap dan Gas dari Kenderaan Bermotor

Pelepasan asap serta gas-gas pencemar seperti karbon monoksida (CO), hidrokarbon (HC), oksida-oksida nitrogen (NOx) serta partikulat (PM) yang dilepaskan melalui ekzos kenderaan bermotor adalah dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Dari Kenderaan Diesel

Kawalan pelepasan asap hitam berlebihan dari ekzos kenderaan diesel dipantau melalui Program AWASI (*Area Watch And Sanction Inspection*). Melalui program ini, skuad peronda JAS akan menjalankan rondaan, pemerhatian pelepasan asap hitam dari ekzos kenderaan dan memberhentikan kenderaan untuk menjalankan uijan asap ke atas kenderaan-kenderaan diesel yang diperhatikan mengeluarkan asap hitam berlebihan.

MOTOR VEHICLES

As of end 2017, a total of 28,738,194 motor vehicles were registered in Malaysia, an increase of 1,125,074 units (4.07%) compared to 2016. The breakdown of the total registered vehicles according to vehicle types is given in **Figure 4.5.**

Out of 1,125,074 new vehicles registered in 2017, motorcars made up the highest number with 583,437 units (51.86%) followed by motorcycles 495,989 units (44.09%). While the remaining 45,648 units (4.06%) were from the other vehicle types such as lorries, buses, vans and others.

The distribution of registered vehicles throughout the states is given in **Figure 4.6.** The Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest number of vehicles registered, with 6,441,342 units (or 22.41%) and followed by Johor, Selangor, P. Pinang and Perak.

Control of Smoke and Gaseous Emissions From Motor Vehicles

Emission of smoke and gaseous pollutants such as carbon monoxide (CO), hydrocarbons (HC), oxides of nitrogen (NOx) and particulate matters (PM) emitted from motor vehicle exhausts are controlled under the Environmental Quality (Control of Emission from Diesel Engines) Regulations 1996 and the Environmental Quality (Control of Emission from Petrol Engines) Regulations 1996.

Control of Black Smoke Emission From Diesel Vehicles

The control of excessive black smoke emission emitted from diesel vehicle exhausts is monitored through the AWASI (Area Watch And Sanction Inspection) Programme. Through this programme the DOE's mobile squad would patrol the streets, observing, stop and testing diesel vehicles belching excessive smoke.

Tindakan kompaun akan diambil serta merta kepada pemandu dan tuan punya kenderaan yang didapati gagal mematuhi had pelepasan asap 50 Unit Asap Hartridge (HSU)% kelegapan. Kompaun serta perintah larangan (larangan mengunakan kenderaan) akan dikeluarkan sekiranya kenderaan didapati melepaskan asap melebihi 70 % kelegapan HSU.

Compounds were issued on-the-spot to the drivers and owners if their vehicles fail to comply with the stipulated smoke limit of 50 HSU% opacity. A compound and prohibition order (prohibiting vehicle use) will be issued if the smoke limit exceeds 70 HSU% opacity.

Pada tahun 2017, sebanyak 3,830 program penguatkuasaan telah dilaksanakan di bandar-bandar di seluruh negara. Sejumlah 459,446 buah kenderaan diesel telah diperiksa secara visual. Dari jumlah tersebut, sebanyak 326 buah kenderaan telah dikompaun kerana gagal mematuhi had pelepasan asap hitam sebanyak 50 HSU% kelegapan. Manakala 130 kenderaan telah dikenakan perintah larangan beroperasi sehingga lulus ujian asap semula oleh JAS. Pada keseluruhannya, peratus pematuhan oleh kenderaan diesel adalah 99.08%. Ini adalah penurunan sebanyak 0.27% berbanding dengan tahun 2016.

In 2017, a total of 3,830 enforcement programmes were conducted in the cities throughout the country. A total of 459,446 diesel vehicles were visually inspected. Out of these, 326 vehicles were compounded for failing to comply with the 50 HSU % opacity smoke limit while 130 vehicles issued with the prohibition order until passed or undergo smoke retest by the DOE. Generally, the percentage of compliance of diesel vehicles was 99.08%. This is an decrease of 0.27% compared to 2016.

Bilangan kenderaan diesel yang dikompaun dan peratus pematuhannya mengikut jenis kenderaan adalah seperti di **Rajah 4.7**. **Rajah 4.8** pula menunjukkan bilangan kenderaan dikompaun, pengeluaran perintah larangan serta peratus pematuhan mengikut negeri. Tindakan mahkamah telah juga diambil ke atas 15 pemandu serta pemilik kenderaan kerana gagal menjelaskan kompaun yang telah dikenakan. Sejumlah 2,689 kenderaan diesel juga telah diarahkan untuk menjalankan ujian semula di PUSPAKOM.

The number of diesel vehicles summoned and their percentage of compliance according to vehicle types is given in **Figure 4.7**. **Figure 4.8** shows the number of vehicles compounded, number of prohibition orders issued and the percentage of compliance according to the states. Court actions were also taken against 15 drivers and vehicle owners for failing to settle the compounds issued. A total of 2,689 diesel vehicles were instructed to undergo smoke retest at PUSPAKOM.

Kawalan Pelepasan Gas CO dan HC Dari Kenderaan Petrol

Control of CO and HC Gas Emissions from Petrol Vehicles

Sepanjang tahun 2017 sejumlah 238 buah kenderaan berenjin petrol telah diuji pelepasan CO dan HC dengan menggunakan meter gas *CO-HC Analyzer* melalui kaedah “ujian idling”’ di jalan raya. Dari jumlah ini, sebanyak tiga (3) buah kenderaan telah dikompaun kerana gagal mematuhi had pelepasan yang ditetapkan. Peratus pematuhan keseluruhannya adalah 98.74% iaitu peningkatan sebanyak 0.49% berbanding dengan tahun 2016. Surat amaran juga telah dikeluarkan kepada pemandu-pemandu kenderaan yang gagal mematuhi had-had pelepasan CO dan HC supaya segera menyelenggara kenderaan bagi memastikan kenderaan sentiasa mematuhi had pelepasan yang ditetapkan oleh undang - undang.

Throughout 2017, a total of 238 petrol engine vehicles were inspected using the CO-HC gas analyzer via the idling test method conducted at the road side. From the above total, three (3) vehicles were compounded for failing to comply with the stipulated CO and HC limits. The overall percentage of compliance is 98.74% i.e. a increase of 0.49% compared to 2015. Warning letters were also issued to drivers for immediate servicing of their vehicles to ensure compliance with the emission limits stipulated in the law.

Ujian Kelulusan Jenis (Kenderaan Petrol)

Malaysia telah memperkenalkan standard pelepasan pencemar untuk model baru kenderaan yang menggunakan petrol dengan tujuan memperbaiki pelepasan pencemar menggunakan rekabentuk enjin baru dan teknologi kawalan pelepasan.

Mana-mana model baru kenderaan bermotor pada atau selepas 1 Januari 2000 adalah dikehendaki mematuhi standard pelepasan pencemar yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol),1996 yang berdasarkan Arahan Majlis 94/12/EEC dan 93/59/EEC. Pada tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan 52 Sijil Ujian Kelulusan Jenis bagi model baru kenderaan petrol yang akan dipasarkan di Malaysia.

Type Approval Test (Petrol Vehicle)

Malaysia had established exhaust emission standard for new petrol vehicles in order to improve exhaust emission by utilizing new engine design and emission control technology.

Any new model of motor vehicle that is commissioned on or after 1st January, 2000 is required to comply with emission standards prescribed in the Third Schedule of the Environmental Quality (Control of Emission from Petrol Engines) Regulations, 1996 which is based on Council Directive 94/12/EEC and 93/59/EEC. In 2017, the Department of Environment has issued 52 Type Approval Test Certificates for new models of petrol vehicles to be marketed in Malaysia.

Ujian Kelulusan Jenis (Kenderaan Diesel)

Bagi mengawal pelepasan dari kenderaan berenjin diésel di Malaysia. Setiap model baru kenderaan bermotor pada atau selepas 1 Januari 1997 adalah dikehendaki mematuhi standard pelepasan pencemar yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel),1996 yang berdasarkan Peraturan No. 49.02 ECE dan Arahan Majlis 93/59/EEC. Pada tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan 58 Sijil Ujian Kelulusan Jenis bagi model baru kenderaan diesel yang akan dipasarkan di Malaysia.

Type Approval Test (Diesel Vehicle)

To control emissions from diesel vehicles in Malaysia. Each new model of motor vehicle on or after 1st January, 1997 is required to comply with emission standards prescribed in the Second Schedule, Environmental Quality (Control of Emission from Diesel Engines) Regulations, 1996, which is based on ECE Regulation No.49.02 and Council Directive 93/59/EEC. In 2017, the Department of Environment has issued 58 Certificate of Type Approval Test for the new model diesel vehicles to be marketed in Malaysia.

Pewujudan Kemudahan Yang Diluluskan

Bagi memudahkan orang awam menghantar kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap dan gas, Jabatan Alam Sekitar melalui program "Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)" telah memberi pengiktirafan kepada bengkel-bengkel kenderaan yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Kemudahan ini boleh bertindak sebagai pengujian segera dan kenderaan yang tidak mematuhi diperbaiki di pusat-pusat ini supaya memastikan kenderaan sentiasa mematuhi had pelepasan asap.

Sehingga akhir tahun 2017, sejumlah 132 sijil pengiktirafan telah dikeluarkan kepada bengkel serta pusat-pusat pemeriksaan kenderaan di seluruh negara sebagai sebagai "Kemudahan Yang Diluluskan" oleh JAS.

Establishment of Approved Testing Facilities

To facilitate convenient public access to workshops for smoke and gaseous emission testing, DOE accredited a number of workshops that fulfilled the prescribed criteria as "Approved Testing Facilities". These testing facilities could also serve as immediate testing and repair centres for the non-complying vehicles, to ensure they are always in compliance with the emission limits stipulated.

By the end of 2017, a total of 132 certificates of accreditation were issued to the workshops and vehicle testing centres throughout the country as "Approved Testing Facilities" by DOE.

Kawalan Pelepasan Gas Pencemar Daripada Motosikal

Mulai 1 Januari 2016 semua model baru motosikal adalah dikehendaki mematuhi standard EURO3 bagi pelepasan gas pencemar daripada motosikal yang berdasarkan *European Committee 97/24/EC amendments 2002/51/ EC Chapter 5 ANNEX II sec. 2.2.1.1.5. of 19 July 2002* atau *World motorcycle emission test cycle "WMTC" under the European Committee ("EC") 2006/72/EC of 18 August 2006*. Pematuhan standard EURO3 bagi model sedia ada motosikal dimulakan pada 1 Januari 2017.

Pada tahun 2017, sebanyak 130 Sijil Kelulusan Jenis telah dikeluarkan kepada pembuat, pemasang dan pengimport motosikal untuk pasaran tempatan.

Control of Emission from Motorcycles

From 1st January, 2016, all new models of motor motorcycles are required to comply with the standards EURO3 for gaseous emissions from motorcycles by referring to European Committee 97/24/EC amendments 2002/51/EC Chapter 5 ANNEX II sec. 2.2.1.1.5. of 19th July, 2002 or World of motorcycle emission test cycle "WMTC" under the European Committee ("EC") 2006/72 / EC of 18th August, 2006. Compliance with the EURO3 emission standards for motorcycles existing model are started on 1st January, 2017.

In 2017, a total of 130 Type Approval Test Certificates were issued to the manufacturers, assemblers and importers of motorcycles for the domestic market.

Bunyi Bising Kenderaan Bermotor

Pelepasan bunyi bising daripada kenderaan bermotor dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987.

Operasi penguatkuasaan bagi mengawal pelepasan bunyi bising dari motorsikal telah dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat JAS negeri dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (Cawangan Trafik). Pada 2017, sejumlah 5,921 buah motosikal telah ditahan bagi menjalani ujian pelepasan bunyi bising. Dari jumlah ini, 131 penunggang motosikal telah dikompaun oleh pihak polis kerana melanggar had bunyi bising yang dibenarkan. Peratus pematuhan secara keseluruhannya ialah 97.78% (**Rajah 4.9**) yang mana menurun 0.45% berbanding pada 2016.

Noise from Motor Vehicles

The emission of noise from motor vehicles is enforced under the Environmental Quality (Motor Vehicle Noise) Regulations 1987.

Enforcement operations to control excessive noise from motorcycles were jointly conducted by the DOE and the Traffic Police. In 2017, a total of 5,921 motorcycles were detained for the noise inspection. Out of this, 131 motorcyclists were summoned for violating the stipulated noise limits. The overall percentage of compliance is 97.78% (**Figure 4.9**) which is ana decrease of 0.45% compared to 2016.



Rajah 4.5 JAS: Bilangan Kenderaan Bermotor Mengikut Jenis, 2017
(Sumber : Jabatan Pengangkutan Jalan, 2017)
Figure 4.15 DOE: Number of Motor Vehicles by Type, 2017
(Source : Road Transport Department, 2017)



Rajah 4.6 JAS : Bilangan Kenderaan Bermotor Mengikut Negeri, 2016
Figure 4.16 DOE : No. of Vehicles By States, 2017



Rajah 4.7 JAS : Peratus Pematuhan Mengikut Jenis Kenderaan Dan Bilangan Kompaun, 2017
Figure 4.7 DOE : Percentage of Compliance, According To Type Vehicles And Number of Compound 2017



Rajah 4.8 JAS : Bilangan Kenderaan Dikompaun, Pengeluaran Perintah Larangan & Peratus Pematuhan, 2017
Figure 4.8 : Number of Vehicles Compounded, Number of Prohibition Orders Issued & Percentage of Compliance, 2017



Rajah 4.9 JAS : Peratus Pematuhan Bilangan Motorsikal Diuji dan Bilangan Kompaun (2001 - 2017)
Figure 4.9 DOE : Percentage of Compliance, Number Of Motorcycle Tested And Compound Issued (2001 - 2017)

PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL

Lesen Premis Yang Ditetapkan

Sejumlah 730 lesen dikeluarkan kepada kemudahan baru dan sediada pada tahun 2017 yang terdiri daripada 163 kemudahan pemerolehan kembali luar tapak (bukan e-waste), empat puluh (40) kemudahan pemerolehan kembali luar tapak (penuh e-waste), lapan puluh lapan (88) kemudahan pemerolehan kembali luar tapak (separa e-waste), empat puluh dua (42) kemudahan penunu buangan terjadual, satu (1) kemudahan buangan terjadual di tanah, tiga (3) kemudahan pengolahan luar tapak, enam (6) kemudahan tapak pelupusan selamat, dan lima puluh lima (55) kemudahan penstoran luar tapak. Sejumlah 332 lesen dikeluarkan kepada pembawa yang ditetapkan. **(Jadual 4.17).**

SCHEDULED WASTE MANAGEMENT

Licences for Prescribed Premises

A total number of 730 licenses were issued for both existing and new facilities in 2017 which consists of 163 licenses for off-site recovery (non e-waste), fourty (40) licenses for off-site full recovery plants (e-waste), eighty eight (88) licenses for off-site partial recovery plants (e-waste), fourty two (42) licenses for scheduled wastes incinerators, one (1) license for land treatment, three (3) licenses for off-site treatment, six (6) licenses for secured landfills and fifty five (55) licenses for off-site storage facilities. A total of 332 licenses were issued for prescribed conveyance **(Table 4.17).**

Jadual 4.17 JAS: Lesen-Lesen Yang Dikeluarkan Bagi Kemudahan Pemerolehan Kembali, Pengolahan & Pelupusan Buangan Terjadual Yang Diluluskan Oleh Jabatan Alam Sekitar, 2017

Table 4.17 DOE : Licences issued for recovery facilities processing wastes disposal approved by the Department of the Enviroment, 2017

JUMLAH LESEN DIKELUARKAN MENGIKUT NEGERI																		
BIL	KEMUDAHAN		JHR	KDH	KLN	MLK	N.S	PHG	PRK	PRS	PP	SBH	SRK	SLG	TRG	WP (KL)	WP (LAB)	JUMLAH
1	Pembawa Yang Ditetapkan / Prescribed Conveyance		56	20	2	21	18	5	25	1	45	9	32	83	4	5	6	332
	Penstoran Luar Tapak / Off Site Storage		8	1	1	1	2	2	2	0	0	6	21	4	0	0	7	55
2	Pemerolehan Kembali Luar Tapak / Off Site Recovery																	
	a.	Pemerolehan Kembali Luar Tapak (bukan e-Waste) / Off Site Recovery (none e-waste)	28	8	0	4	14	7	20	1	19	2	4	49	5	0	2	163
	b.	Pemerolehan Kembali Luar Tapak (penuh e-Waste) / Off Site Recovery (full e-Waste)	9	3	0	5	3	0	3	0	9	0	1	7	0	0	0	40
	c.	Pemerolehan Kembali Luar Tapak (separa e-Waste) /Off Site Recovery (partial e-Waste)	16	8	1	10	4	0	1	0	17	0	5	20	0	5	1	88
3	Penunu Buangan Terjadual / Schedule Waste Incinerator		7	2	0	0	3	1	4	0	3	3	12	4	2	0	1	42
4	Pengolahan Di Tanah / Land Treatment Facilities		0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
5	Pengolahan Luar Tapak / Off Site Treatment Facilities		1	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	3
6	Tapak Pelupusan Selamat / Secured Landfill		1	1	0	0	2	0	0	0	0	0	1	0	1	0	0	6
	Bil. Lesen / No. of License		126	43	4	42	46	15	55	2	93	20	76	167	12	10	19	730
	Bil. Premis / No. of Premises		70	23	2	21	18	10	30	1	48	11	44	84	8	5	13	388

NOTA:

JHR - JOHOR
KDH - KEDAH
KLN - KELANTAN
MLK - MELAKA
N.S - NEGERI SEMBILAN
PRK - PERAK
PRS - PERLIS
PP - PULAU PINANG
PHG - PAHANG
SBH - SABAH
SLG - SELANGOR
SRK - SARAWAK
TRG - TERENGGANU
WP (KL) - WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
WP (LAB) - WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KAWALAN TERHADAP PREMIS YANG DITETAPKAN

Kilang Getah Asli Mentah dan Kilang Kelapa Sawit Mentah dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan masing-masing di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kelapa Sawit Mentah) 1977. Operasi premis-premis ini adalah tertakluk kepada keperluan Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di mana pemilik premis ini perlu mempunyai lesen daripada Jabatan Alam Sekitar bagi menduduki dan menggunakan premis.

Kilang Getah Asli Mentah

Pada tahun 2017, sejumlah lima puluh lapan (58) buah kilang getah asli mentah telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah), 1978. Daripada jumlah ini, empat puluh empat (44) buah kilang telah dilesenkan bagi melepaskan efluen yang telah diolah ke alur air, sebuah (1) kilang telah dilesenkan untuk melepaskan effluen ke atas tanah, manakala tiga belas (13) buah kilang dibenarkan untuk mengitar semula efluen. Tempoh lesen yang diberikan adalah berbeza bagi setiap premis; kurang dari setahun bagi premis yang tidak bermasalah dan setahun bagi premis yang bermasalah. **Rajah 4.10** menunjukkan bilangan kilang getah asli mentah mengikut negeri.

Pada tahun 2017 selari dengan Hala Tuju Baharu JAS, pegawai-pegawai penguatkuasa JAS Negeri telah menjalankan sejumlah empat puluh tujuh (47) pemeriksaan secara desktop dan lima puluh satu (51) pemeriksaan lapangan ke atas lima puluh lapan (58) buah kilang getah asli mentah yang telah dilesenkan.

Hala Tuju Baharu JAS yang diperkenalkan adalah melalui pendekatan *Self Regulation (SR)* sebagai pelengkap (*complement*) bagi kaedah *Command And Control (CAC)* Kaedah pelaksanaan adalah melibatkan pemeriksaan di lapangan dan pemeriksaan desktop.

Kilang-kilang yang mempunyai rekod pematuhan yang rendah sebelum ini telah diberi keutamaan pemeriksaan. Tindakan susulan pemeriksaan penguatkuasaan yang diambil adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.10.**

CONTROL OF PRESCRIBED PREMISES

Raw natural rubber factories and crude palm oil mills are classified as prescribed premises under the Environmental Quality (Prescribed Premises) (Raw Natural Rubber) Order, 1978 and the Environmental Quality (Prescribed Premises) (Crude Palm Oil) Order, 1977 respectively. The operation of these premises are subjected to the requirement of Section 18 of the Environmental Quality Act, 1974 whereby the owners of the premises are required to obtain a licence from the Department of Environment for the occupation and/or use of the said premises.

Raw Natural Rubber Factories

In 2017, there were fifty eight (58) raw natural rubber factories licensed under the Environmental Quality (Prescribed Premises) (Raw Natural Rubber) Regulations, 1978. Out of these, fourty four (44) factories were licensed to discharge treated effluent into inland watercourse, one (1) was permitted to practise land disposal, while the remaining thirteen (13) were allowed to recycle their effluent. The licensing periods of these premises varies; less than one year for **Figure 4.10** shows the distribution of raw natural rubber factories according to states.

In 2017, in conjuction with DOE's new strategic plan, state DOE enforcement officers has conducted 47 dekstop inspection and 51 field inspection on 58 licensed raw natural rubber factories.

The DOE's new strategic plan is through Self Regulation (SR) approach as a complement to the Command And Control (CAC) method. Enforcement involve field inspection as well as dekstop inspection.

Those factories with low compliance record previously were given priority for inspections. Follow up actions taken as a result of these inspections are as shown in **Figure 4.10.**

Sejumlah satu (1)arahan lapangan dan dua puluh dua (22) notis arahan telah dikeluarkan kepada premis-premis tersebut supaya mengambil tindakan pembaikan bagi mematuhi keperluan perundangan. Tiada kompaun dikeluarkan dan tiada premis dalam tindakan mahkamah (**Rajah 4.11**).

A total of (1) field citations and twenty two (22) notices were issued to the concerned premises to take corrective actions in order to comply with the legal requirements. No compound was issued for the offences committed and no court action was taken (**Figure 4.11**).

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah) 1978

Pada tahun 2017, pencapaian pematuhan keseluruhan kilang getah asli mentah yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978 adalah 98.3% bagi pemeriksaan dekstop dan 95.0% bagi pemeriksaan lapangan.

Status Of Compliance With The Environmental Quality (Prescribed Premises) (Raw Natural Rubber) Regulations, 1978

In 2017, the overall compliance performance by the raw natural rubber factories that were subjected to the Environmental Quality (Prescribed Premises) (Raw Natural Rubber) Regulations, 1978 was 98.3% for deskstop inspection and 95.0% for field inspection.

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Kilang getah asli mentah juga tertakluk kepada kawalan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Pada tahun 2017, pencapaian pematuhan keseluruhan oleh kilang getah asli mentah adalah 97.4% bagi pemeriksaan desktop dan 95.1% bagi pemeriksaan lapangan.

Status Of Compliance With The Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 2014

Raw natural rubber factories are also subjected to the Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 2014. In 2017, overall compliance performance by the raw natural rubber factories was 97.4% for desktop inspection and 95.1% for field inspection.

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Pada tahun 2017, pencapaian pematuhan keseluruhan oleh kilang getah asli mentah bagi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 adalah 100% bagi kedua-dua pemeriksaan desktop dan pemeriksaan lapangan.

Status Of Compliance With The Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005

In 2017, overall compliance performance by the raw natural rubber factories for the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005 was 100% for both dekstop inspection and field inspection.

Kilang Kelapa Sawit Mentah

Sejumlah 454 buah kilang kelapa sawit mentah telah dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Kelapa Sawit Mentah), 1977 pada tahun 2017. Dari 454 buah kilang yang dilesenkan, 361 buah kilang telah dilesenkan bagi melepaskan efluen yang diolah ke dalam alur air, lapan puluh tujuh (87) buah kilang melupuskan efluen ke atas tanah, dua puluh dua (22) buah kilang melupuskan efluen dengan menggunakan gabungan kaedah alur air

Crude Palm Oil Mills

There were 454 palm oil mills licensed under the Environmental Quality (Prescribed Premises) (Crude Palm Oil Mill) Regulations, 1977 in the year 2017. Of these 454 licensed prescribed premises, 361 were granted permission to discharge treated effluent into inland watercourse, eighty seven (87) to practice land disposal, twenty two (22) to discharge effluent by combination into inland watercourse and land disposal. While, fourty five (45) to practice composting, thirty one

dan atas tanah. Manakala, empat puluh lima (45) buah kilang menggunakan kaedah kompos, tiga puluh satu (31) buah kilang menggunakan gabungan kaedah alur air dan kompos serta lapan (8) buah kilang menggunakan gabungan kaedah atas tanah dan kompos. **Rajah 4.11** menunjukkan taburan bilangan kilang kelapa sawit mentah di Malaysia mengikut negeri.

(31) to discharge treated effluent using a combination of inland watercourse and composting and the other eight (8) using a combination land disposal and composting. **Figure 4.12** shows the distribution of palm oil mills in Malaysia according to states.

Pada tahun 2017 selari dengan Hala Tuju Baharu JAS, pegawai-pegawai penguatkuasa JAS Negeri telah menjalankan sejumlah 378 pemeriksaan secara desktop dan 429 pemeriksaan lapangan ke atas 454 buah kilang kelapa sawit mentah yang telah dilesenkan.

In 2017, in conjuction with DOE's new strategic plan, state DOE enforcement officers has conducted 378 dekstop inspection and 429 field inspection on 454 licensed palm oil mills.

Hala Tuju Baharu JAS yang diperkenalkan adalah melalui pendekatan *Self Regulation (SR)* sebagai pelengkap (*complement*) bagi kaedah *Command And Control (CAC)* Kaedah pelaksanaan adalah melibatkan pemeriksaan di lapangan dan pemeriksaan desktop.

The DOE's new strategic plan is through Self Regulation (SR) approach as a complement to the Command And Control (CAC) method. Enforcement involve field inspection as well as dekstop inspection.

Kilang-kilang yang mempunyai rekod pematuhan yang rendah sebelum ini telah diberi keutamaan pemeriksaan. Tindakan susulan pemeriksaan penguatkuasaan yang diambil adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.11.**

Those factories with low compliance record previously were given priority for inspections. Follow up actions taken as a result of these inspections are as shown in **Figure 4.11.**

Sejumlah lima (5) arahan lapangan dan 170 notis arahan telah dikeluarkan kepada premis-premis tersebut supaya mematuhi keperluan perundangan. Sebanyak enam puluh empat (64) kompaun dikeluarkan bagi kesalahan yang dilakukan. Manakala, lapan (8) tindakan mahkamah telah diambil bagi kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen.

A total of five (5) field citations and 170 notices were issued to the mills to comply with the legal requirements. sixty four (64) compounds were issued for offences committed. While, eight (8) court actions were taken.

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977

Status Of Compliance With The Environmental Quality (Prescribed Premises) (Crude Palm Oil) Regulations, 1977

Pada tahun 2017, pencapaian pematuhan keseluruhan kilang kelapa sawit mentah yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 adalah 93.1% bagi pemeriksaan dekstop dan 94.4% bagi pemeriksaan lapangan.

In 2017, the overall compliance performance by the crude palm oil mills that were subjected under the Environmental Quality (Prescribed Premises) (Crude Palm Oil) Regulations, 1977 was 93.1% for desktop inspection and 94.4% for field inspection.

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Kilang minyak kelapa sawit mentah juga tertakluk kepada kawalan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014. Pada tahun 2017, pencapaian pematuhan keseluruhan oleh kilang minyak kelapa sawit mentah adalah 96.0% bagi pemeriksaan desktop dan 97.8% bagi pemeriksaan lapangan.

Status Of Compliance With The Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 2014

Palm oil mills are also subjected under the Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 2014. In 2017, the overall compliance performance by palm oil mills was was 96.0% for desktop inspection and 97.8% for field inspection.

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Pada tahun 2017 pencapaian pematuhan keseluruhan kilang minyak kelapa sawit di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 adalah 96.9% bagi pemeriksaan dekstop dan 95.8% bagi pemeriksaan lapangan.

Status Of Compliance With The Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005

In 2017, the overall compliance performance by the palm oil mills under the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005 was was 96.9% for desktop inspection and 95.8% for field inspection.



Rajah 4.10 JAS : Bilangan Kilang Getah Asli Mentah dan Tindakan Undang-Undang Terhadap Kilang Getah Asli Mentah , 2017

Figure 4.10 DOE : Raw Natural Rubber Factories and Legal Actions Against Raw Natural Rubber Factories, 2017



Rajah 4.11 JAS : Tindakan Undang-Undang Terhadap Kilang Minyak Kelapa Sawit Mentah, 2017

Figure 4.11 DOE : Legal Actions Against Crude Palm Oil Mills, 2017

KAWALAN TERHADAP PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

Premis-premis yang bukan ditetapkan yang melepaskan efluen adalah tertakluk kepada kawalan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Pada tahun 2017, sejumlah 10,280 pemeriksaan secara desktop dan 5,518 pemeriksaan lapangan ke atas 44 kategori industri pembuatan dan lain-lain premis yang bukan ditetapkan yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Pencapaian pematuhan keseluruhan oleh premis yang bukan ditetapkan adalah 99.2% bagi kedua-kedua pemeriksaan dekstop dan pemeriksaan di lapangan. Terdapat 19 kategori industri mencapai pematuhan 100% pada tahun 2017 **(Rajah 4.12).**

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Premis-premis yang bukan ditetapkan adalah juga tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 . Pencapaian pematuhan keseluruhan oleh premis yang bukan ditetapkan adalah 98.8% bagi pemeriksaan desktop dan 98.9% bagi pemeriksaan lapangan. Terdapat 17 kategori industri mencapai pematuhan 100% pada tahun 2017 **(Rajah 4.13).**

Status Pematuhan Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

Premis-premis yang bukan ditetapkan adalah juga tertakluk kepada kawalan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Pencapaian pematuhan keseluruhan oleh premis yang bukan ditetapkan adalah 98.2% bagi pemeriksaan desktop dan 98.3% bagi pemeriksaan lapangan. Antara kegagalan pematuhan yang direkodkan adalah termasuk gagal mengemukakan pemberitahuan mengenai

CONTROL OF NON-PRESCRIBED PREMISES

Status of Compliance with the Environmental Quality (Industrial Effluents) Regulations, 2009

The non-prescribed premises that discharge effluents are subjected under the Environmental Quality (Industrial Effluents) Regulations, 2009.

In 2017, DOE conducted 10,280 dekstop inspections and 5,518 field inspection on 44 categories of industrial premises and other non-prescribed premises that were subjected to the Environmental Quality (Industrial Effluents) Regulations, 2009.

The overall compliance achievement by the non-prescribed premises was 99.2% for both dekstop and field inspection. There were 19 categories of industries achieved 100% compliance in 2017 **(Figure 4.12).**

Status of Compliance with the Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 2014

The non-prescribed premises are also subjected to the Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 2014. The overall compliance by the non-prescribed premises was 98.8% for deskstop inspection and 98.9% for field inspection. There were 17 categories of industries achieved 100% compliance in 2017 **(Figure 4.13).**

Status of Compliance with the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005

The non-prescribed premises are also subjected to the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005. The overall compliance achieved by the non-prescribed premises was 98.2% for deskstop inspection and 98.3% for field inspection. Among the non-compliances recorded including failure to submit notifications of scheduled wastes generation to DOE, improper storage and improper labelling of scheduled

pengeluaran buangan terjadual kepada JAS, buangan terjadual tidak distor dan tidak dilabel dengan sempurna selain gagal menyimpan rekod inventori buangan terjadual dengan tepat dan terkini (Peraturan-Peraturan 3, 8, 9, 10 dan 11).

wastes beside failure to keep accurate and up-to-date inventory records of scheduled wastes (Regulations 3, 8, 9, 10 and 11).

Pada tahun 2017, terdapat 12 kategori industri mencapai pematuhan 100% terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 **(Rajah 4.14).**

In 2017, there were 12 categories of industries that were subjected under the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005 achieved 100% compliance **(Figure 4.14).**

Tindakan Penguatkuasaan

Enforcement Actions

Sejumlah 193 kes premis yang tidak patuh telah dituduh di mahkamah dengan RM 3,882,000 denda telah dipungut. Tindakan-tindakan penguatkuasaan lain yang diambil adalah pengeluaran 84 arahan lapangan, 2,014 notis arahan dan 2,017 kompaun kepada industri supaya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

A total of 193 cases of non-compliance premises were charged in courts with a fine of RM 3,882,000 collected. Other enforcement actions taken against the non-complying industries were issuance of 84 field citations, 2,014 notices and 2,017 compounds to industries for them to take appropriate actions in order to comply with the Environmental Quality Act, 1974 and the Environmental Quality (Industrial Effluents) Regulations, 2009, Environmental Quality (Clean Air) Regulations, 2014 and Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005.

Bagi meningkatkan pematuhan kepada peraturan, JAS telah mengeluarkan arahan-arahan kepada industri supaya memasang alat kawalan pencemaran yang sesuai dan efisien, meningkatkan keupayaan kemudahan kawalan pencemaran yang sedia ada dan juga menyediakan jadual perancangan dan pelaksanaan sistem pengurusan alam sekitar yang baik. Sebagai tambahan, pelbagai aktiviti kesedaran dilaksanakan sepanjang tahun untuk kumpulan sasaran yang spesifik. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah dialog, seminar dan bengkel untuk industri dengan tujuan untuk meningkatkan tahap pematuhan undang-undang. Jabatan Alam Sekitar juga dalam usaha memastikan pematuhan sepenuhnya, mempromosi penggunaan teknologi kawalan yang efisien, amalan pengeluaran bersih serta pematuhan kendiri. Pihak industri juga dinasihatkan untuk mewujudkan sistem pengurusan alam sekitar yang baik dan digalakkan untuk mendapatkan pensijilan ISO 14000.

In order to improve compliance to regulations, DOE has issued directives to the industries to install appropriate and efficient control equipment, upgrade existing pollution control facilities and to have a good planning and implementation schedule of environmental management systems. In addition, various awareness activities were implemented throughout the year for specific target groups. Such activities included dialogues, seminars and workshops for industries, with the aim of improving the level of regulatory compliance. The Department of Environment, in its effort to ensure full compliance, also promoted the adoption of more efficient control technologies, cleaner production practices as well as self-regulations. The industries were also advised to set up a good environmental management system and be ISO 14000 certified.



Rajah 4.12 JAS : Status Pematuhan Industri Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen) 2009, 2017

Figure 4.12 DOE : Compliance Status to the Environmental Quality (Effluent) Regulations 2009, 2017



Rajah 4.13 JAS : Status Pematuhan Industri Terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014, 2017

Figure 4.13 DOE : Compliance Status to the Environmental Quality (Clean Air) Regulations 2014, 2017



Rajah 4.14 JAS : Status Pematuhan Industri Terhadap
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, 2017

Figure 4.14 DOE : Compliance Status to the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 2005, 2017

TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Pendakwaan

Pada tahun 2017, sejumlah 193 kes kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 telah didakwa di mahkamah dengan denda yang dikenakan berjumlah RM 3,882,000.00 dan denda penjara selama 2 hari **(Rajah 4.15)**.

Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut, sebanyak 73 (37.81%) kes mahkamah adalah melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 16(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan jumlah denda sebanyak RM 953,500.00 Sebanyak 56 (29%) kes mahkamah melibatkan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) dengan jumlah denda sebanyak RM 1,568,500.00 sementara 64 (33.2%) kes yang selebihnya melibatkan kesalahan - kesalahan lain di bawah AKAS 1974.

Kompaun

Sejumlah 1,910 kompaun telah dikeluarkan sepanjang tahun 2017 kepada premis dan syarikat untuk pelbagai kesalahan di bawah AKAS 1974. Pecahan mengikut kesalahan adalah seperti di **Rajah 4.16.**

LEGAL ACTION

Prosecution

In 2017, a total of 193 offences were prosecuted under the Environmental Quality Act (EQA) 1974 with a total fine of RM 3,882,000.00 and imprisonment 2 days **(Figure 4.15)**.

Out of this total, 73 (37.81%) court cases involved offences under Section 16(1), Environmental Quality Act (EQA) 1974 with a total fine of RM953,500.00. There were 56 (29%) court cases involved offences under Environmental Quality (Industrial Effluent) Regulations 2009 with a total fine of RM 1,568,500.00 while the remaining 64 (33.2%) cases were prosecuted for various other offences under the EQA 1974.

Compounds

A total of 1,910 compounds were issued in 2017 against premises and companies for various offences under the EQA 1974. Breakdown by offences is shown in **Figure 4.16.**



Rajah 4.15 JAS : Bilangan Kes Mahkamah dan Denda, 2017
Figure 4.15 DOE : Number of Court Cases and Fines, 2017



Jadual 4.16 JAS : Bilangan Kes Kompaun Mengikut Pecahan PPKAS, 2017
Table 4.16 DOE : Number of Compound Cases According to Environmental Quality Regulations, 2017

MAKLUMBALAS TERHADAP PENGADUAN AWAM

RESPONSE TO PUBLIC COMPLAINTS

Pada tahun 2017, sejumlah 5,563 aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar. 4,684 kes aduan telah diambil tindakan di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya oleh pejabat JAS Negeri, manakala 879 kes aduan adalah diluar bidang kuasa JAS dan telah dirujuk kepada agensi lain yang berkaitan untuk diambil tindakan. **(Rajah 4.17)**

The Department of Environment received 5,563 environmental pollution complaints in the year of 2017. Out of these, 4,684 were under the Environmental Quality Act, 1974 and investigated by the State DOE Offices, while the remaining 879 cases were outside the jurisdiction of DOE and was referred to other relevant agencies. **(Figure 4.17)**

Pada tahun 2017, JAS Selangor menerima aduan yang tertinggi iaitu sebanyak 1,793 kes (31.4%), diikuti oleh JAS Johor sebanyak 685 kes (12%) dan JAS Pulau Pinang sebanyak 538 kes (9.4%). JAS Wilayah Persekutuan Putrajaya menerima aduan yang paling sedikit iaitu sebanyak 10 kes (0.2%) dan diikuti dengan JAS Wilayah Persekutuan Labuan iaitu sebanyak 24 kes (0.4%).

In the year 2017, DOE Selangor recorded 1,793 (31.4%) complaints, the highest number received, followed by DOE Johor 685 (12%) and DOE Pulau Pinang 538 (9.4%). DOE Federal Territory of Putrajaya recorded the least number of complaints received with 10 (0.2%) complaints and followed by DOE Federal Territory of Putrajaya 24 (0.4%).

Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, bilangan aduan pencemaran yang tertinggi adalah berkaitan dengan pencemaran udara iaitu sebanyak 4,208 kes (75.6%), sebanyak 625 kes (11.2%) berkaitan pencemaran air, sebanyak 217 kes (3.9%) berkaitan pencemaran bunyi, sebanyak 103 kes (1.9%) berkaitan buangan terjadual, sebanyak 97 kes (1.7%) berkaitan tumpahan minyak, sebanyak 40 kes (0.7%) berkaitan pencemaran tanah dan sebanyak 273 kes (4.9%) lain-lain aduan **(Rajah 4.18)**.

As in the previous years, most of the complaints received were related to air pollution 4,208 (75.6%), followed by 625 (11.2%) water pollution, 217 (3.9%) noise pollution, 103 (1.9%) on illegal dumping of scheduled or toxic wastes, 97 (1.7%) oil spillage, 40 (0.7%) land pollution and 273 (4.9%) of other complaints **(Figure 4.18).**



Rajah 4.17 JAS : Bilangan Aduan Mengikut Negeri, 2017
Figure 4.17 DOE : Number of Complaints by State, 2017



Rajah 4.18 JAS : Bilangan Kes Aduan Mengikut Jenis, 2017
Figure 4.18 DOE : Number of Complaint Cases by Types, 2017

Lawatan Penguatkuasaan ke Premis Industri
Enforcement Visits to Industrial Premises

Lawatan ke LAB Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak
Site visit to Department of Mineral and Geoscience Perak LAB

Lawatan ke LAB *Forest Research Institute Malaysia (FRIM)*
Site visit to Forest Research Institute Malaysia LAB

Lawatan Kerja Dato' KPAS ke Premis Lotte Chemical Titan(M) Sdn Bhd
The visit of Director General DOE to Lotte Chemical Titan(M) Sdn Bhd

Lawatan Penguatkuasaan ke Tapak Pelupusan Sampah
Enforcement Visit to Landfill

Lawatan Penguatkuasaan ke Kilang Kelapa Sawit
Enforcement Visit to Palm Oil Mill

BAB 5
CHAPTER 5

PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR
RAKAN ALAM SEKITAR PROGRAMME

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada 4 Jun 2009 telah mempunyai seramai 302,147 ahli berdaftar di seluruh Malaysia sehingga Disember 2017. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) melibatkan anggota masyarakat secara `hands-on' iaitu menjadi `mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

Rakan Alam Sekitar programmes (RAS) was launched on 4th June 2009 and there have been 302,147 registered members until December 2017. Rakan Alam Sekitar (RAS) programmes involves members of the community on a hands-on basis that serves as an eye and ears to assist the government agencies in combating the activities that damage or pollute the environment.

Objektif Program Rakan Alam Sekitar adalah seperti berikut:

i. Memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat;
ii. Menanam rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama; dan
iii. Menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat membuat aduan atau pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan.

The objectives of Rakan Alam Sekitar Programme are as follows:

i. Provide environmental awareness at all levels of society;
ii. Planting a sense of responsibility in society to act and participate in caring for the environment is shared; and
iii. Provide proper channel for the public to make complaints or suggestions about the environment to the government agencies concerned

Kayuhan Hijau

Kayuhan Hijau merupakan satu aktiviti berbasikal secara santai yang telah diperkenalkan oleh Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar pada pertengahan tahun 2016. Objektif utama aktiviti ini diwujudkan adalah seperti berikut:

i. Strategi baru dalam mendekatkan diri dengan masyarakat dalam mempromosi kesedaran alam sekitar.
ii. Mempromosi pendidikan dan kesedaran alam sekitar melalui medium mesra alam iaitu dengan cara berbasikal.
iii. Menyokong usaha kearah kelestarian alam sekitar dan mendekati golongan peminat berbasikal dalam mempromosi Rakan Alam Sekitar.

Kayuhan Hijau

Kayuhan Hijau is a leisure cycling activity introduced by the Strategic Communications Division, Department of Environment in mid-2016. The main objectives of this activity are as follows:

i. A new strategy in bringing people closer to promote environmental awareness.
ii. Promoting enviromental education and awareness through eco-friendly medium.
iii. To support efforts towards environmental sustainability and to approach cycling enthusiasts in promoting Rakan Alam Sekitar.

Program Kayuhan Hijau di sekitar Putrajaya.
Kayuhan Hijau Programme Around Putrajaya

Enviro Hiking

Enviro Hiking merupakan satu aktiviti yang dijayakan bertujuan untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar sambil beriadah. Pada tahun 2017, terdapat satu program Enviro Hiking yang dijalankan iaitu Enviro Hiking @Gunung Datuk, Rembau , Negeri Sembilan. Jumlah peserta yang terlibat adalah seramai 50 orang.

Enviro Hiking ini merupakan program sukarela di mana peserta yang berminat untuk menyertainya perlu mendaftar dan dikenakan sedikit bayaran bagi menanggung kos makan minum serta kos-kos yang berkaitan. Peserta yang terlibat akan digerakkan secara berkumpulan dan diberikan guni untuk diisi dengan sampah yang terdapat di setiap laluan pendakian. Bagi menjadikan program ini lebih menarik, kuiz alam sekitar akan dijalankan bagi menguji pengetahuan peserta mengenai alam sekitar dan hadiah isitimewa turut diberikan kepada setiap pemenang

Enviro Hiking

Enviro Hiking is an activity that aims to inculcate environmental concern by doing leisure activity. In 2017, Enviro Hiking @Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan has been organised. The programme was attended by 50 participants.

Enviro Hiking is a voluntary program where the participants need to pay a minimal fee for meal and a related costs. Participants involved was mobilized in groups and has been given gunny bags to be filled with rubbish found along the route. In order to make this program more interesting, environmental quizzes was conducted to test participants on environmental knowledge and prizes were awarded to each winner

▶ Program Enviro Hiking di Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan.
Enviro Hiking Programme at Gunung Datuk, Rembau, Negeri Sembilan.

▶ Program Pameran Sempena Majlis Graduasi Dan Anugerah Kecemelangan SMK Clifford, Kuala Lipis, Pahang.
Exibition Programme in conjunction with the Graduation Ceremony and Excellence Award, SMK Clifford, Kuala Lipis, Pahang.

Pameran Alam Sekitar

Pada tahun 2017, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah menyertai sebanyak 31 pameran bertemakan alam sekitar yang dianjurkan oleh institusi - institusi pengajian tinggi, sektor perindustrian, swasta dan agensi kerajaan seperti **Jadual 5.1.**

Environmental Exhibitions

In 2017, the Department of Environment Headquarters has participated in 31 environmental exhibitions organized by Institutions of higher learning, industrial, private sector and government agencies as shown in **Table 5.1.**

Jadual 5.1 JAS : Senarai aktiviti pameran bertemakan alam sekitar yang disertai oleh JAS
Table 5.1 DOE : List of environmental exibitions activities participated by DOE.

BIL	PERKARA	PENGANJUR	LOKASI	TARIKH (2017)
1	Pameran sempena Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2017	Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Pesekutuan Malaysia	Dewan Plenari, PICC, Putrajaya	13 Januari
2	Pameran inovasi sempena Simposium Inovasi NRE	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	FRIM, Kepong	19-21 Februari
3	Pameran untuk Kempen Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar	Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd	Lot 7G1, Putrajaya	20 Februari
4	Pameran Sempena Majlis Anugerah Pekrkhidmatan Cemerlang NRE 2016	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	MAEPS	9 Mac
5	Pameran sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Air Sedunia 2017	NRE	Dataran Teluk Kemang, Port Dickson	25 Mac
6	Pameran Kesedaran Sempena Kempen Kesedaran Keselamatan dan Alam Sekitar	Sunway Construction Sdn Bhd	Parcel F, Putrajaya	27 dan 28 Mac
7	Pameran sempena program Singgah Santai @ PNM#Relakslah Dulu	Perpustakaan Negara Malaysia	Perpustakaan Negara Malaysia	25 Mac
8	Pameran sempena sesi Townhall bersama pihak industri dan persatuan berhubung Rang Undang-Undang Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Motor	KPDNKK	Dewan Serbaguna Aras G, KPDNKK Putrajaya	21 Mac
9	Pameran sempena Majlis Pelancaran Program “Teenagers Engagement Towards Environment & Nature-Adopt A School”	Sultan Ahmad Shah Environment Trust (SASET)	Dewan Kolej Vokasional Sultan Haji Ahmad Shah Al- Mukhtasain Billah	29 Mac
10	Pameran sempena Karnival Ulang tahun ke-25 IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM),	31 Mac – 2 April
11	Pameran sempena mesyuarat Ketua setiausaha Negara bersama Ketua Setiausaha Kementerian	Jabatan Perdana Menteri	Dewan JPM, Putrajaya	5 April
12	Pameran Sempena Majlis Graduasi dan Anugerah Kecemerlangan SMK Clifford	SMK Clifford, Kuala Lipis, Pahang	SMK Clifford, Kuala Lipis, Pahang	8 April
13	Pameran Sempena Perhimpunan Bulanan NRE	JAS Ibu Pejabat	Dewan Biduri, JAS Ibu Pejabat	11 April
14	Pameran Sempena Sambutan Hari Bumi 2017	Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat	Dataran Ledang, Johor	22 April
15	Pameran Sempena Majlis Pelancaran Hydrochlorofluorocarbon Phase-Out Management Plan (HPMP) Stage II	Bahagian Udara, JAS Ibu Pejabat	Hotel Saujana, Subang	8 Mei
16	Pameran sempena Program Transformasi Nasional 2050 (TN50)	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Universiti Malaysia Pahang	11 Mei

BIL	PERKARA	PENGANJUR	LOKASI	TARIKH (2017)
17	Pameran sempena Kempen Keselamatan dan Kesihatan di The Italian Baker	The Italian Baker Sdn Bhd	The Italian Baker Sdn Bhd, Pulau Indah,	18 Mei
18	Pameran bagi Program Hari Biodiversiti	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Taman Gelora, Kuantan	20 Mei
19	Pameran Sempena Program Kempen Keselamatan Kebakaran 1 Rumah 1 Alat Pemadam Api – Sambutan Hari Anggota Bomba	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Pusat Kejiranan Presint 9, Putrajaya	20 Mei
20	Pameran Alam Sekitar Sempena Majlis Pelancaran Sekolah Lestari	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Mutahir	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Mutahir, Melaka	8 Mei
21	Pameran sempena HSE	Syarikat Pembinaan Anggerik Sdn Bhd	Presint 14, Putrajaya	10 Ogos
22	Pameran sempena Program Safety Explorail 2017 K.I.S.S “Keep It Safe and Sound”	Rapid Rail Sdn Bhd	Ara Damansara	22 Julai
23	Pameran bagi seminar “OSHE Management System: A Stakeholders Policies And Management System As A Tool”	NIOSH Certification Sdn Bhd	The Waterfront Hotel, Kuching Sarawak	31 Julai
24	Pameran sempena 37th International Association for Hydro Environment Engineering and Research (IAHR) World Congress	NAHRIM, JPS, USM dan IAHR	PWTC, KL	13-18 Ogos
25	Pameran Rakan Alam Sekitar	JAS	Tesco Bandar Puteri, Bukit Mahkota, Bangi	29 September
26	Pameran Rakan Alam Sekitar sempena Hari Ozon	Seksyen Pelindungan Ozon, Bahagian Udara, JAS	Hotel Pullman, Putrajaya	5 Oktober
27	Pameran Rakan Alam Sektiar sempena program Lan Berambeh Anak Sarawak 2017	Persatuan Anak Sarawak Semenanjung	PWTC, KL	6 Oktober
28	Pameran Rakan Alam Sekitar sempena “Environmental Quality Monitoring Programme” (EQMP)	Bahagian Udara, JAS	Bahagian Udara, JAS	10 Oktober
29	Pameran sempena Hari Alam Sekitar Negara 2017	Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat	D’Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan	21 Oktober
30	Pameran bergerak bagi mini Konvensyen Combi Tapak Bina WP Putrajaya 2017	Perbadanan Putrajaya	Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya	8 November
31	Pameran Rakan Alam Sekitar	Bahagaian Komunikasi Strategik, JAS	Giant Hypermarket, Klang	9 November
32	Pameran Rakan Alam Sekitar	Bahagaian Komunikasi Strategik, JAS	Giant Hypermarket, Klang	11 November

HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2017
NATIONAL ENVIRONMENT DAY 2017

HASN merupakan penjenamaan semula daripada Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) yang telah disambut buat julung kalinya pada 22 Oktober 2016. Penganjuran sambutan HASN/ MASM oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar ini telah diadakan pada setiap tahun bermula pada tahun 1991 dan penjenamaan semula ini adalah selaras dengan usaha ke arah mentransformasikan program kesedaran alam sekitar kepada masyarakat awam bagi mendapatkan impak yang lebih besar. Penjenamaan semula ini adalah bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama meraikan semangat kecintaan kepada alam sekitar. Objektif HASN adalah:

(i) Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas
(ii) Menyediakan `platform' kepada warga Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar
(iii) Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan jasa kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar
(iv) Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

Sambutan HASN menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat seperti kanak-kanak tadika, sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT), badan-badan bukan kerajaan (NGO), komuniti setempat, agensi kerajaan dan swasta, industri dan orang awam.

The National Environment Day (HASN) is a re-branding of the Malaysian Environment Week (MASM) and it has been celebrated for the first time on 22nd October, 2016. The celebration of MASM has been organized annually by the Ministry of Natural Resources and Environment through the Department of Environment since 1991 and this re-branding is in line with the efforts made towards transforming the environmental awareness program to gain greater impact to the public. This re-branding is aimed at bringing the whole community to celebrate the spirit of love for the environment. The objectives of HASN are:

(i) To promote education and environmental awareness in a broader aspect
(ii) To provide a platform to all Malaysians in celebrating and appreciating the environment
(iii) To give recognition to those who have contributed towards the preservation and conservation of the environment
(iv) To increase public awareness towards the preservation and conservation of the environment

The celebration of HASN targets various levels of society such as kindergartens, schools, institutions of higher learning (IPTs), non-governmental organizations (NGOs), local communities, government and private agencies, industries and the public.

Sebagai simbolik kepada bermulanya sambutan HASN, satu program Pra-Pelancaran HASN 2017 telah diadakan pada 16 Oktober 2017 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Aktiviti pengisian kepada program tersebut adalah Sesi Menandatangani Memorandom of Understanding (MoU) - Rakan Strategik Alam Sekitar antara Jabatan Alam Sekitar dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), aktiviti gotong-royong pembersihan pantai dan seminar pengurusan buangan terjadual. Program tersebut telah dihadiri oleh lebih kurang 400 orang peserta yang terdiri daripada pihak agensi kerajaan negeri dan persekutuan, industri dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Pre-Launching of HASN was held on 16th October, 2017 in Port Dickson, Negeri Sembilan. The ceremony was officiated by YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Deputy Minister of Natural Resources and Environment. The activities include the Signing Session of Memorandom of Understanding - Environmental Strategic Partnership between the Department of Environment and Tenaga Nasional Berhad (TNB), coastal cleanup activities and scheduled waste management seminar. It was attended by approximately 400 participants comprising of state and federal government agencies, industry and students of higher learning institutions.

Sambutan HASN pada tahun 2017 telah dianjurkan secara serentak di seluruh Negara pada 21 Oktober 2017 dengan tema 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'. Sambutan HASN 2017 Peringkat Kebangsaan telah diadakan di d'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan dan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan. Majlis perasmian tersebut juga dimeriahkan dengan penyampaian Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Kebangsaan 2017/2018 yang melibatkan 14 buah sekolah dari seluruh Malaysia dan Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 (Bandar Lestari) dengan pemenang seperti di **Jadual 5.2.**

The HASN celebration in 2017 was held simultaneously throughout the country on 21st October, 2017 with the theme 'Environment is Our Responsibility". The National Level of HASN 2017 celebration was held at the d'Tempat Country Club, Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan and was officiated by YAB Dato 'Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, the Chief Minister of Negeri Sembilan. The main highlights of the Opening Ceremony were the presentation of the Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Kebangsaan 2017/2018, involving 14 schools from Malaysia and the National Environment Day (HASN) Special Award 2017 (Sustainable City). The winners for the HASN Special Award 2017 are as in **Table 5.2.**

Selain itu, program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik isi rumah yang telah mula dijalankan pada awal Oktober 2017 di lokasi-lokasi terpilih di Negeri Sembilan bersempena HASN 2017 Peringkat Kebangsaan telah mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records sebagai program pengumpulan household e-waste yang terbanyak dengan jumlah terkumpul 60,704.65 kg.

The collection of electrical and electronic waste from household program has been initiated in early October 2017 at selected locations in Negeri Sembilan in conjunction with the National Level of HASN 2017. The accumulated e-waste was 60,704.65 kg and has been recognized as the largest household e-waste collection program by the Malaysia Book of Records.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan semasa sambutan HASN 2017 Peringkat Kebangsaan, antaranya adalah pertandingan rekacipta, acara senamrobik, acara larian `Cenviro Green Run', pertandingan mewarna alam sekitar, pemeriksaan kesihatan, gigi dan kempen derma darah, kempen pencegahan kebakaran `Kid Fire Marshall', cabutan bonanza (Enviro – BSN SSP Bonanza) dan pameran alam sekitar. Program ini telah dihadiri oleh lebih 5000 pengunjung daripada pelbagai peringkat masyarakat.

Various activities were organized during the celebration of National Level HASN 2017 including inventions competition, aerobics, 'Cenviro Green Run' running event, environmental coloring contest, health screening, dental and blood donation campaign, fire prevention campaign - Kid Fire Marshall, bonanza draw (Enviro - BSN SSP Bonanza) and environmental exhibition. The program was attended by more than 5000 visitors from various levels of society.

Pelbagai aktiviti lain turut diadakan bersempena dengan HASN 2017, antaranya adalah bacaan khutbah Jumaat, sesi temubual melalui radio dan televisyen dan Pertandingan Melukis Komik Alam Sekitar. Selain itu, program Forum Perdana Ehwal Islam (Alam Sekitar) juga telah diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 28 Oktober 2017 dengan tajuk 'Cinta Dunia' dan 'Ku Lihat Hijau'.

Other activities were also held in conjunction with the HASN 2017, among them were the interview sessions via radio and television and the Environmental Comics Drawing Competition. In addition, the Forum Perdana Ehwal Islam (Environment) program was also held at Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) on 28th October, 2017 with the title of 'Cinta Dunia' and 'Ku Lihat Hijau'.

Penganjuran sambutan HASN 2017 telah mendapat kerjasama dan sokongan padu dari Kerajaan Negeri serta semua agensi kerajaan di peringkat Negeri dan Persekutuan serta Rakan Strategik Alam Sekitar. Komitmen dari semua pihak dalam menjayakan penganjuran sambutan HASN 2017 menunjukkan semangat perpaduan ke arah melestarikan alam sekitar secara bersama.

The execution of HASN 2017 celebration has received strong cooperation and support from the State Government and all government agencies at the State and Federal level as well as Environmental Strategic Partners. The commitment that has been given by all parties contribute to the success of the HASN 2017 celebration and it shows the spirit of unity towards conserving the environment.

- Sambutan HASN 2017 Peringkat Kebangsaan telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan.
  The National Level of HASN 2017 Was Officiated by YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hassan, The Chief Minister of Negeri Sembilan

- Pemenang Pertandingan Rekacipta dan Penerima Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Kebangsaan 2017/2018 sempena HASN 2017
  The Winner of Design Competition And National SLAAS Award 2017/2018 In Conjuction With HASN 2017

Jadual 5.2 JAS : Pemenang Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 (Bandar Lestari)
Table 5.2 DOE : The winners of the National Environment Day (HASN) Special Award 2017 (Sustainable City)

Anugerah Award	Bandar City	Pihak Berkuasa Tempatan Local Authorities
Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 – Eco City	Putrajaya	Perbadanan Putrajaya
Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 – Eco Historical City	Melaka Bandaraya Bersejarah	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 – Clean Land City	Ampang Jaya	Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 – Clean Air City	Bandar Tangkak	Majlis Daerah Tangkak
Anugerah Khas Hari Alam Sekitar Negara 2017 – Eco Park City	Bandar Sri Sendayan	Majlis Perbandaran Nilai/ Majlis Perbandaran Seremban

Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik Isi Rumah (Household E-Waste) Bersempena Dengan Hari Bumi

Sambutan Hari Bumi yang diadakan pada 22 April setiap tahun adalah hari di mana masyarakat di seluruh dunia bergabung tenaga untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar melalui pelbagai program kesedaran dan aktiviti alam sekitar. Sambutan secara global ini menjadi inisiatif yang penting dalam menerapkan dan meningkatkan lagi kecintaan masyarakat terhadap alam sekitar.

Tema Hari Bumi pada tahun 2017 adalah “Environmental and Climate Literacy” atau “Kecelikan Alam Sekitar dan Iklim”. Tema ini diambil bertujuan untuk memastikan masyarakat terutamanya golongan muda yang bakal menjadi pemimpin Negara pada masa depan, celik dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar dan perubahan iklim serta mampu membuat keputusan dengan mengambil kira faktor-faktor alam sekitar. Dengan kecelikan isu-isu alam sekitar dan perubahan iklim di kalangan masyarakat kita, wawasan masa depan Negara kita akan lebih jelas, bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati persekitaran yang kondusif, bersih dan selesa, selari dengan pembangunan Negara.

Di Malaysia, pelbagai aktiviti berkaitan alam sekitar daripada pelbagai pihak telah dijalankan bersempena dengan Hari Bumi 2017. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah menganjurkan Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah (*Household E-Waste*) di

Household Electrical and Electronic Waste Collection Program In Conjuction With Earth Day 2017

The Earth Day which is celebrated on April 22 every year is a day where the communities all around the world unite and join the force to inculcate their sense of responsibility and raise awareness among the public to protect the earth and the environment by organizing various environmental awareness programs and activities. This global response is an important initiative in applying and enhancing the love for the environment among the community.

The theme of Earth Day 2017 is “Environmental and Climate Literacy”. This theme is aimed at ensuring the society, especially the young generation who will be the leaders of the nation in the future, to be literate and attentive to environmental issues and climate change, and able to make decisions with regard to environmental factors. With the inclusion of environmental issues and climate change among our societies, the future vision of our country will be clearer, in order to ensure the citizen can enjoy a conducive, clean and comfortable environment, in line with the nation’s development.

In Malaysia, various environmental related activities from various parties were being conducted in conjunction with Earth Day 2017. The Ministry of Natural Resources and Environment through the Department of Environment organized a Household Electrical and Electronic Waste Collection Program at Tangkak, Johor on 22nd April 2017

Tangkak, Johor pada 22 April 2017 dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik Isi Rumah ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam mengenai pengurusan dan pelupusan e-waste secara selamat. Jenis-jenis e-waste yang dikumpulkan termasuklah televisyen, penyaman udara, mesin basuh, peti sejuk, komputer, telefon bimbit dan peralatan-peralatan elektrik kecil yang lain (*small appliances*). Program yang telah dihadiri oleh lebih kurang 2000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat ini telah mendapat pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai program pengumpulan *household e-waste* yang terbanyak dengan jumlah terkumpul 36,144 kg. Pelbagai aktiviti tambahan menarik seperti cabutan bertuah, pameran dan sebagainya juga diadakan pada hari tersebut bagi memeriahkan sambutan Hari Bumi 2017.

and it was officiated by YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Deputy Minister of Natural Resources and Environment.

The Household Electrical and Electronic Waste Collection Program was aimed to raise public awareness on the proper management and safe disposal of e-waste. The types of e-waste collected include television, air conditioning, washing machine, refrigerator, computer, cell phone and other small appliances (small appliances). The program was attended by approximately 2000 visitors from various parties and has been recognized by the Malaysia Book of Records to be the largest household e-waste collection program with a total cumulative amount of 36,144 kg. Various activities such as lucky draws, exhibitions and so on were also held during the celebration of Earth Day 2017.

SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) SESI 2017/2018

Pertandingan Sekolah Lestari- Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) bagi sesi 2017/2018 telah menarik minat sebanyak tujuh puluh lapan (78) buah sekolah rendah dan enam puluh tiga (63) buah sekolah menengah dari seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut sebanyak sepuluh (10) buah sekolah untuk kategori sekolah rendah dan sepuluh (10) buah sekolah untuk kategori sekolah menengah telah terpilih ke peringkat kebangsaan. Senarai sekolah- sekolah tersebut adalah seperti di **Jadual 5.3 dan Jadual 5.4.**

SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS) 2017/2018 SESSION

SLAAS Award for 2017/2018 session had inspired seventy eight (78) primary schools and sixty three (63) secondary schools throughout the Malaysia to take part in the competition. Out of 133 participated school only ten (10) were chosen from each category for the finale. Eligible schools as in the **Table 5.3 and Table 5.4.**

Jadual 5.3 JAS : Senarai Sekolah Rendah Yang Terpilih Untuk Peringkat Kebangsaan

Table 5.3 DOE : List Of Primary Schools That Qualified To Final Round

Bil No	Nama sekolah School Name	Negeri State
1	SK Putra	Perlis
2	SK Kota Lama Kanan	Perak
3	SJKC Tsun Jin	W.P Kuala Lumpur
4	SK Bukit Damansara	W.P Kuala Lumpur
5	SK Seri Lalang	Johor
6	SJKC Kuala Kemaman	Terengganu
7	SJK (C) Tung Hua	Sarawak
8	SK Babagan Toki Inanam	Sabah
9	SK Lambidan, Kuala Penyu	Sabah
10	SJKC Cheng Ming, Keningau	Sabah

Jadual 5.4 JAS : Senarai Sekolah Menengah Yang Terpilih Untuk Peringkat Kebangsaan

Table 5.4 DOE : List Of Secondary Schools That Qualified To Final Round

Bil No	Nama sekolah School Name	Negeri State
1	SMJK Sin Min	Kedah
2	SMK Gemilang	Pulau Pinang
3	SMKA Tun Raha	Selangor
4	SMK Taman Dato' Harun	Selangor
5	SMK Seri Aman	Johor
6	SMK Padang Midin	Terengganu
7	SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra	Kelantan
8	SMK Tan Sri Mohamed Yaacob	Kelantan
9.	SM St Micheal, Penampang	Sabah
10	SMK Tawau, Tawau	Sabah

Penganugerahan ini telah disempurnakan semasa sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada 21 Oktober 2017 bertempat di D'Tempat Sendayan Negeri Sembilan. Anugerah ini telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan dan disaksikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar beserta pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi persekutuan serta negeri.

The SLAAS Award was presented during the National Environment Day Celebration (HASN) on 21st October, 2017 at D'Tempat, Sendayan, Negeri Sembilan. The awards were delivered by YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan witnessing by YB Minister of Natural Resources and Environment (NRE), Datuk Seri Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar and other senior officers from various state and federal agencies.

Sekolah yang berjaya merangkul Anugerah SLAAS Sesi 2017/2018 dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) beserta piala, plak dan sijil adalah:

i. **Kategori Sekolah Rendah:**
SJK(C) Kuala Kemaman, Terengganu

ii. **Kategori Sekolah Menengah:**
SM St. Micheal, Penampang, Sabah

Manakala bagi kategori lain yang turut melibatkan pemberian hadiah wang tunai sebanyak RM 1,000.00, plak dan sijil adalah seperti di **Jadual 5.5 dan Jadual 5.6.**

The winners of SLAAS Award 2017/2018, received a cash money RM 10,000.00, a trophy, a plaque and certificate. The winner for SLAAS 2017/2018 session are:

i. **Primary School:**
SJK(C) Kuala Kemaman, Terengganu

ii. **Secondary School:**
SM St. Micheal, Penampang, Sabah.

Beside grand price, other awards were also given to the schools as a token for their outstanding efforts and performances in certain criteria with a cash money RM 1,000.00, plaque and certificate. List of winner as in the

Jadual 5.5 JAS : Senarai Pemenang Anugerah Khas (Sekolah Rendah)
Table 5.5 DOE : Winner for Special Award (Primary School)

Bil.	Anugerah Khas Special Award	Pemenang Winner
1	Pengurusan Management	SJK (C) Tung Hua, Sibu, Sarawak
2	Penghijauan Greening Activities	SJK (C) Cheng Ming, Keningau, Sabah
3	Kokurikulum Co-curiculum	SK Babagon Toki, Inanam, Sabah
4	Kepimpinan Budaya Lestari Sustainability Cultural Leadership	SK Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar Perak
5	Perkongsian Kelestarian Sustainability Alliance	SK Lambidan, Kuala Penyu, Sabah
6	Inovasi Produk Mesra Alam Environmental Friendly Product Innovation	SK Putra, Kangar, Perlis

Jadual 5.6 JAS : Senarai Pemenang Anugerah Khas (Sekolah Menengah)
Table 5.4 DOE : Winner for Special Award (Secondary School)

Bil.	Anugerah Khas Special Award	Pemenang Winner
1	Pengurusan Management	SMK Sri Aman, Kota Tinggi, Johor
2	Penghijauan Greening Activities	SMKA Tun Rahah, Sg Besar, Selangor
3	Kokurikulum Co-curiculum	SMK Tawau, Tawau, Sabah
4	Kurikulum Curiculum	SMK Tan Sri Mohamed Yaacob, Tanah Merah, Kelantan
5	Keusahawanan Entrepreneurship	SMK Padang Midin
6	Kepimpinan - Individu Leadership – Individual	Pengetua SMK Padang Midin

Kejayaan Jabatan dalam menjayakan program ini adalah dengan kerjasama yang erat di antara Jabatan Alam Sekitar dengan Rakan Strategik iaitu Exxon Mobile Exploration and Production Malaysia Incorporation. Tahniah diucapkan kepada sekolah–sekolah yang berjaya dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan selaku tuan rumah yang sudi menganjurkan HASN 2017.

Table 5.5 and Table 5.6.

The achievement of the department in making the programmed succeed is a warm/great collaboration between Jabatan Alam Sekitar and Rakan Strategik which is EXXON Mobile Exploration and Production Malaysia Incorporation. Congratulations to the winners and thank you to the host Negeri Sembilan State Government for willing advocated HASN 2017.

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN-ENVIRO

Perpustakaan-Enviro yang terletak di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar berfungsi sebagai pusat rujukan kepada kakitangan JAS dan orang awam yang berdaftar. Sehingga 31 Disember 2017, koleksi bahan rujukan adalah sebanyak 22,774 buah. Pada tahun 2017, bilangan pengguna di perpustakaan adalah seramai 448 orang dan penggunaan sistem *online* iaitu EKMC,EMUSEUM serta Elibrary adalah seramai 55,798.

ENVIRO-LIBRARY SERVICE

Enviro-Library located at the Headquarters of the Department of Environment serves as a reference center for DOE staff and civilians who are registered. Up to 31st December, 2017, a collection of reference materials was 22,774. In 2017, the number of users in the library was 448 people and the use of online systems i.e. EKMC, EMUSEUM and E-Library was 55,798.





Aktiviti Perpustakaan

Persidangan ICT dan Geospatial, Jabatan Alam Sekitar

Pada 3 April hingga 7 April 2017, unit perpustakaan telah dijemput untuk membentangkan *success story* berkaitan dengan perkhidmatan *online* iaitu EKMC atau lebih dikenali sebagai *Enviro Knowledge Management Center.* Program ini bertujuan untuk berkongsi kejayaan dan ilmu berkaitan dalam pengurusan maklumat di Perpustakaan secara *online*.

Library Activities

ICT and Geospatial Conference, Department of Environment

On 3rd April to 7th April, 2017, the library unit has been invited to present a success story related to online services ie EKMC or better known as the Enviro Knowledge Management Center. The programme aims to share the success and knowledge related to information management in the online library.

▶ Persidangan ICT dan Geospatial, Jabatan Alam Sekitar
ICT and Geospatial Conference, Department of Environment

Program Membaca 10 Minit

Pada 24 April 2017, Unit Perpustakaan telah mengadakan program membaca 10 minit di setiap bahagian, negeri dan cawangan Jabatan Alam Sekitar sebagai tanda sokongan kepada kempen membaca. Ia bertujuan untuk memupuk semangat cintakan ilmu dan suka membaca dikalangan warga JAS.

Reading Program for 10 Minutes

On 24th April, 2017, the Library Unit held a 10-minute reading programme at each department, state and branch of the Department of Environment as a sign of support for the reading campaign. It aims to foster a sense of love and knowledge in reading among JAS.

Program Membaca 10 Minit
10 Minutes Reading Programme

Penganugerahan Penyelaras Enviro Knowledge Management Center (EKMC) dan Enviro Museum (EMUSEUM)

Unit Perpustakaan telah mengadakan penganugerahan EKMC dan EMUSEUM kepada penyelaras yang paling aktif. Penganugerahan ini diadakan sebagai menghargai sumbangan yang diberikan oleh penyelaras dalam memuatnaik maklumat dan bahan rujukan di EKMC dan EMUSEUM. Penganugerahan ini telah diadakan bersempena dengan Perhimpunan Bulanan Jabatan Alam Sekitar di Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Enviro Knowledge Management Center (EKMC) and Enviro Museum (EMUSEUM) Coordinator Award

The Library Unit held the EKMC and EMUSEUM award to the most active coordinators. The award was held in recognition of the contribution made by the coordinator in uploading information and reference materials at EKMC and EMUSEUM. The award was held in conjunction with the DOE Monthly Assembly at Baiduri Hall, Ministry of Natural Resources and Environment

Penganugerahan Penyelaras *Enviro Knowledge Management Center (EKMC) dan Enviro Museum (EMUSEUM)*
Enviro Knowledge Management Center (EKMC) and Enviro Museum (EMUSEUM) Coordinator Award

Mesyuarat dan Bengkel Penyelaras EKMC dan EMUSEUM Bilangan 1/2017

Mesyuarat dan bengkel ini telah diadakan di Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Alam Sekitar. Mesyuarat ini banyak membincangkan kemajuan sistem *online* EKMC dan EMUSEUM bagi memastikan keperluan rujukan maklumat mencapai tahap yang terbaik kepada pengguna dalam dan luar negara.

EKMC dan EMUSEUM Coordinator Meeting and Workshop Volume 1/2017

The meeting and workshop was held at Baiduri Hall, Ministry of Natural Resources and Environment and was chaired by YBhg. Dato Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim, Director General of Department of Environment. The meeting discussed the progress of the EKMC and EMUSEUM online systems and ensure that the information reference requirements reach the best possible level for domestic and foreign users.

Mesyuarat dan Bengkel Penyelaras EKMC dan EMUSEUM Bilangan 1/2017
EKMC dan EMUSEUM Coordinator Meeting and Workshop Volume 1/2017

Mesyuarat dan Bengkel Penyelaras EKMC dan EMUSEUM Bilangan 2/2017

Mesyuarat dan bengkel ini telah diadakan di Hotel Dorset Putrajaya pada 18 September hingga 20 September 2017 dan telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Ismail bin Ithnin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar. Mesyuarat kali ini banyak membincangkan penambahbaikan sistem *online* EKMC dan EMUSEUM serta mengutamakan sebaran maklumat yang lebih berkesan kepada pengguna. Peserta terdiri daripada penyelaras dari Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar sahaja.

EKMC and EMUSEUM Coordinator Meeting dan Workshop Volume 2/2017

The meeting and workshop was held at Hotel Dorset Putrajaya from 18th September to 20th September, 2017 and was chaired by Tuan Haji Ismail bin Ithnin, Deputy Director General (Development), Department of Environment. This meeting discussed on upgrading the EKMC and EMUSEUM online system and effective dissemination to clients. Participants consists of coordinators from the Department of Environment Headquarters.

Mesyuarat dan Bengkel Penyelaras EKMC dan EMUSEUM Bilangan 2/2017
EKMC and EMUSEUM Coordinator Meeting dan Workshop Volume 2/2017

Kuiz Alam Sekitar Secara Online

Unit Perpustakaan telah mengadakan Kuiz Alam Sekitar Sempena Hari Alam Sekitar Negara secara *Online*. Program ini diadakan pada 21 Oktober hingga 23 Oktober 2017. Ia bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta yang berada jauh dari lokasi program iaitu di D'Tempat Sendayan, Negeri Sembilan untuk menyertai kuiz ini. Peserta boleh menjawab soalan secara *online* tentang alam sekitar dan menerima sijil penyertaan sebagai tanda sokongan kepada program ini.

Online Environmental Quiz

The Library Unit held the Online Environmental Quiz in conjunction with the National Environment Day. The program is held from 21st October to 23rd October, 2017. This programme gives the opportunities to participant who is located away from D'Tempat, Sendayan, Negeri Sembilan to participate in this quiz. Participants will answer online questions related to the environment and will receive a certificate of participation as a sign of support for the program.

HARI ALAM SEKITAR NEGARA
"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"

Kuiz Alam Sekitar Sempena
Hari Alam Sekitar Negara 2017
(Sekolah Rendah & Menengah)

Scan Disini

Setiap Penyertaan Akan
Menerima Cenderahati Dari

Rakan Alam Sekitar

Layari http://bit.ly/KuizAlamSekitar2017

Lawatan Kerja ke Kumpulan Media Karangkraf, Shah Alam

Lawatan ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pegawai JAS tentang bidang penerbitan serta proses penyuntingan dan penerbitan yang sebenar dalam menghasilkan majalah.

Visit to Karangkraf Media Group, Shah Alam

This visit aims to provide exposure to DOE officers in the field of publishing as well as the actual editing and publishing process involve in producing magazines.

▶ **Lawatan Kerja Ke Kumpulan Media Karangkraf, Shah Alam**
Visit to Karangkraf Media Group, Shah Alam

BAB 6
CHAPTER 6

HAL EHWAL ALAM SEKITAR ANTARABANGSA - KERJASAMA DUA HALA
INTERNATIONAL ENVIRONMENTAL AFFAIRS - BILATERAL COOPERATION

Mesyuarat Kelima Belas Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (MSJCE WG)

Mesyuarat Kelima belas Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (WG of MSJCE) telah diadakan pada 23 Mei hingga 24 Mei 2017 di Singapura. Encik Ronnie Tay, Ketua Pegawai Eksekutif, National Environment Agency, Singapura dan Y.Bhg. Dato' Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia telah mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Seramai tiga belas (13) orang delegasi dari pelbagai agensi Malaysia seperti Kementerian Luar Negeri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Pengaliran dan Saliran, Unit Perancang Ekonomi (Johor, Johor Port Authority dan wakil dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menghadiri Mesyuarat ini. Sementara itu, 41 orang delegasi dari pelbagai agensi diantaranya Lembaga Pembekalan Awam, Kementerian Pembangunan Negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Lembaga Perumahan dan Pembangunan, Maritime and Port Authority, Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Air membentuk perwakilan Singapura.

Rajah 8.6 menunjukkan sehingga 31 Disember 2017, EiMAS telah berjaya mengiktiraf seramai 10,731 orang pegawai industri sebagai Orang Yang Berwibawa selaras dengan kehendak Seksyen 49A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Figure 8.6 shows that until 31st December 2017, EiMAS has successfully certified a total of 10,731 industry personnel as a Competent Person in accordance with the requirements of Section 49A of the Environmental Quality Act, 1974.



Rajah 8.7 JAS : Bilangan Kehadiran Pegawai Industri Bagi 5 Tahun Terkini (2013 – 2017)

Figure 8.7 DOE: Attendance Of Industry Personnel For The Last 5 Years (2013 – 2017)

Bilangan kehadiran pegawai industri bagi kursus pensijilan dari tahun 2013 hingga 2017 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 8.7**.

The attendance of industry personnel for industry certification courses from 2013 to 2017 as shown in **Figure 8.7.**

Majlis Konvokesyen Orang Yang Berwibawa
Convocation Ceremony For Competent Persons

Majlis Penganugerahan Sijil Orang Yang Berwibawa kepada pegawai industri yang telah melengkapkan kesemua proses pensijilan telah diadakan pada 21 September 2017 bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya. Sempena Majlis ini juga telah diadakan Seminar *Guided Self Regulation* (GSR) yang bertujuan untuk menyediakan satu landasan kepada Orang Yang Berwibawa (OYB) untuk menambah ilmu pengetahuan serta sentiasa peka dengan perkembangan terbaru dalam bidang pengurusan alam sekitar terutamanya inisiatif-inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Jabatan seperti *Guided Self Regulation* (GSR).

A Certificate Award Ceremony for industry personnel who have successfully completed the certification process and have been certified as a Competent Person was held on 21st September 2017 at Bangi-Putrajaya Hotel. In conjunction with this event, a Guided Self Regulation (GSR) Seminar was held to provide a platform to the Competent Person to enhance their knowledge and keep abreast with the latest developments in environmental management, especially new initiatives introduced by DOE such as Guided Self Regulation (GSR).

YBhg. Dato' Ketua Pengarah Alam Sekitar Bergambar Bersama Orang-Orang Yang Berwibawa
Photography Session Of YBhg. Dato' Director General Of Environment With The Competent Persons

YBhg. Dato' Ketua Pengarah Alam Sekitar Menyampaikan Sijil Orang Yang Berwibawa Kepada Pegawai Industri
YBhg. Dato' Director General Of Environment Presented The Competent Person Certificate To The Industry Personnel

Pegawai Industri Membaca Lafaz Ikrar Kod Etika Sebagai Orang Yang Berwibawa
Industry Personnel Reading The Pledge Of Competent Person's Code Of Ethics

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Course On Environmental Management And Pollution Control

Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), dengan Kementerian Luar Negeri sebagai *focal point*, telah dianjurkan pada 24 Julai hingga 4 Ogos 2017, untuk pegawai-pegawai dari luar negara yang bertugas di agensi atau Kementerian yang berkaitan pengurusan alam sekitar dan kawalan pencemaran di negara masing-masing.

Peserta - peserta kursus terdiri daripada pegawai-pegawai dari negara Nigeria, Oman, Timor Leste, Georgia, Azerbaijan, Lao PDR, Cambodia, Bahrain, Singapore, Namibia, Nepal, Bangladesh dan Morocco serta 2 orang peserta Malaysia dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah dan Natural Resources and Environment Board Sarawak.

Sepanjang kursus dua (2) minggu ini, peserta-peserta telah didedahkan mengenai:

- Dua (2) model pendekatan penguatkuasaan iaitu *Command and Control (C & C)* dan Pematuhan Kendiri Terpimpin *(Guided Self Regulation)*;
- Dua (2) model pendekatan pengawasan iaitu pengawasan secara manual (*Manual Monitoring*) dan sistem atas talian (*on-line system*);

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Course On Environmental Management And Pollution Control

Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP), with the Ministry of Foreign Affairs as its focal point was organized on 24th July to 4th August, 2018, for personnel who is working in agencies or ministries related to environmental management and pollution control in their respective countries.

The course participants are from Nigeria, Oman, Timor Leste, Georgia, Azerbaijan, Lao PDR, Cambodia, Bahrain, Singapore, Namibia, Nepal, Bangladesh and Morocco, and 2 Malaysian participants from the Department of Sabah Environment Protection and Natural Resources and Environment Board Sarawak.

During two (2) weeks course, participants will be exposed to:

- Two (2) enforcement approach models - Command and Control (C & C) and Guided Self Regulation (Guided Self Regulation);
- Two (2) surveillance approach models - Manual Monitoring and on-line system;

- Kawalan pencemaran air sisa/effluen dan pelepasan ke udara;
- Pendekatan perancangan bagi kawalan pencemaran dan impak, serta pencegahan;
- Isu-isu kawalan pencemaran spesifik bagi tumpahan minyak, pengurusan buangan terjadual, dan kawalan hakisan dan kelodakan; dan
- Keperluan kompetensi dalam pengendalian alat kawalan pencemaran air dan udara serta pengurusan buangan terjadual.

- Contamination of wastewater/ effluent and emissions into the air;
- Planning approach for pollution control and impact, and prevention;
- Control issues specific to oil spill pollution, wastes management, control of erosion and siltation; and
- Competency requirements in the handling of water and air pollution control equipment as well as scheduled waste management.

Kursus Induksi Juruaudit Alam Sekitar
Induction Course for Environmental Auditors

Kursus Induksi Juruaudit Alam Sekitar

Pada tahun 2017, bagi memenuhi keperluan Skim Pendaftaran Jururaudit Alam Sekitar, EiMAS telah menjalankan Kursus Induksi Juruaudit Alam Sekitar kepada lima puluh (50) orang peserta pada 7 Mac hingga 10 Mac 2018.

Penganugerahan Sijil Penghargaan Kepada Tenaga Pengajar EiMAS

Sepanjang tahun 2017, EiMAS telah melaksanakan lima puluh tujuh (57) kursus dalaman untuk pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia. Kebanyakan tenaga pengajar kursus-kursus di EiMAS adalah terdiri daripada pegawai-pegawai JAS yang pakar dalam bidang masing-masing.

Induction Course for Environmental Auditors

In 2017, to meet the requirements under the Environmental Auditors Registration Scheme, EiMAS conducted Induction Course for Environmental Auditors to fifty (50) participants on 7th March to 10th March, 2018.

Certificates Of Appreciation To EiMAS Trainers

Throughout 2017, EiMAS has conducted fifty seven (57) internal courses for officers and staff of the DOE in Malaysia. Most of the trainers for EiMAS courses were DOE officers who are experts in their respective fields.

Sebagai menghargai jasa dan sumbangan semua pegawai JAS yang telah terlibat sebagai tenaga pengajar bagi kursus, latihan *hands-on* serta program kompetensi yang dianjurkan, EiMAS telah menganugerahkan penghargaan kepada seramai empat puluh satu (41) orang tenaga pengajar.

In recognition of the contributions by these officers to courses, hands-on and competency programs, EiMAS has awarded certificates of appreciation to fourty one (41) trainers.

Sistem Pendaftaran Profesional Alam Sekitar Bertauliah Kebangsaan (NRCEP)

Sistem NRCEP telah dibangunkan pada tahun 2014 untuk memudahkan urusan pengumpulan maklumat/ data *Continuing Professional Development* (CPD) oleh Orang Yang Berwibawa (OYB), dan boleh dipantau secara atas talian. Pada tahun 2016, penambahbaikan telah dibuat bagi Modul Kemasukan CPD, Modul Program CPD dan Modul Penyedia Latihan untuk meningkatkan lagi keupayaan Sistem NRCEP tersebut.

Sistem NRCEP juga berperanan menyokong pelaksanaan Pematuhan Kendiri di kalangan industri.
Sistem NRCEP boleh diakses melalui capaian http://eimas.doe.gov.my/

National Registry Of Certified Environmental Professional (NRCEP) System

The NRCEP System was developed in 2014 to ease the management of information/ data pertaining to the collection of Continuing Professional Development (CPD) submitted by Competent Persons (CP), and can be monitored online. In order to improve the capability of the NRCEP System, enhancement of system has been made in 2016 for modules of CPD Submission, CPD Program and Training Provider.

The NRCEP system also serves as a support system in the implementation of Self-Regulation by industries.
The NRCEP System can be accessed at http://eimas.doe.gov.my/

COMPETENT PERSON

There are 2109 competent persons certified by EiMAS. They hold a total of 2309 certificates as follows:

1297	CePSWaM
437	CePIETSO(PCP)
309	CePIETSO(BP)
83	CePSO
96	CePBFO
50	CePSTPO
37	CePPOME



Rajah 8.8 JAS : Pecahan Koleksi Bahan Perpustakaan EiMAS

Figure 8.8 DOE: EiMAS Library Collection Breakdown

Perpustakaan EiMAS

Sepanjang tahun 2017, Perpustakaan EiMAS telah meneruskan usaha bagi memantapkan kualiti perkhidmatan yang disediakan bagi menyokong keperluan rujukan dan maklumat warga JAS serta peserta-peserta kursus anjuran EiMAS.

Jumlah koleksi bahan di Perpustakaan EiMAS ialah sebanyak 4,929 judul bahan yang merangkumi buku-buku teknikal, modul kursus, terbitan bersiri/jurnal, garis panduan dan lain-lain bahan berkaitan alam sekitar terbitan dalam dan luar negara.

EiMAS Library

Throughout the year 2017, EiMAS Library has continued its efforts to strengthen the quality of services provided to support needs of knowledge and information to the DOE and course participants organized by EiMAS.

Currently EiMAS Library have 4,929 titles or entries covering technical books, course modules, serials/ journals, guidelines and others collection.

Aktiviti dan Program Perpustakaan EiMAS Sepanjang Tahun 2017
EiMAS Library Activities And Programmes for The Year 2017

Bil. No.	Aktiviti/ Program Activities/ Programme	Tarikh Date
1.	Bengkel EKMC dan EMuseum Siri I di Hotel Bangi Putrajaya Training on EKMC & EMuseum at Bangi Putrajaya Hotel	17-18 Mei 2017
2.	Gotong Royong Perpustakaan untuk Projek Menaiktaraf EiMAS	Mei 2017
3.	Lawatan Informasi ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur Informative Visit to Kuala Lumpur International Book Fair	28 April 2017
4.	Anugerah Icon Membaca EiMAS EiMAS Reading Icon Award	9 June 2017
5.	Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit	25 April 2017
6.	Bengkel EKMC dan EMuseum Siri II di RHR Hotel@UNITEN Training on EKMC & EMuseum Series II at RHR Hotel@UNITEN	23-25 October 2017
7.	Menerbitkan e-Buletin EiMAS Bil.1 dan Bil.2 /2017 Published e-Buletin EiMAS	Quarterly
8.	Menerbitkan info@Perpustakaan EiMAS Bil.1/2017 Published info@Perpustakaan EiMAS	November 2017
9.	Pameran Buku-Buku Teknikal oleh Penerbit Buku Technical Books Exhibition by Publisher	15 June 2017

Pengurusan Kewangan EiMAS

Pada tahun 2017, jumlah peruntukan yang diterima oleh EiMAS dari Jabatan Perkhidmatan Awam (Program ILA-Institut Latihan Awam) adalah sebanyak RM 95,100 pada tahun 2017. Perbelanjaan bagi program ini adalah sebanyak RM 60,693.20 bersamaan 64% sehingga Oktober 2017 (Penutupan Akaun).

EiMAS Finance Management

In year 2017, Jabatan Perkhidmatan Awam has allocate RM95, 100.00 for ILA (Institut Latihan Awam) Program to EiMAS. Out of this figure, RM 60,693.20 equivalent to 64% being used as expenses for this program until end of October 2017(Closing account).



Rajah 8.9 JAS : Peruntukan Program Institut Latihan Awam (ILA)
Figure 8.9 DOE : Budget Allocation From Institut Latihan Awam (ILA)



Rajah 8.10 JAS : Peruntukan Program Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP)
Figure 8.10 DOE : Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) Budget Allocation

Jumlah peruntukan yang diterima dari Wisma Putra dibawah program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) adalah sebanyak RM 150,000.00 pada tahun 2017. Perbelanjaan bagi program ini adalah sebanyak RM 144,986.29 bersamaan 97%. Baki sebanyak RM 5,013.71 telah dipulang kan kepada WISMA Putra dan menjadikan peratusan perbelanjaan akhir sebanyak 100%.

Wisma Putra has allocate RM 150,000.00 for Malaysian Technical Cooperate Program (MTCP). Out of this figure, RM 144, 986.29 equivalent to 97% being used as expenses for this program. Balance amount of RM5, 013.71 was refund to Wisma Putra and make total percentage for expenses equal to 100%.

Pengurusan Sumber Manusia EiMAS
EiMAS Human Resource Management

Jumlah perjawatan EiMAS sehingga 31 Disember 2017 adalah 50 perjawatan dengan perincian berikut:
Total posts in EiMAS as of 31st December 2017 are 50 posts as following details:

BIL	JAWATAN	GRED	BIL. JAWATAN	DIISI	KOSONG
1	PENGARAH, PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C54	1	1	-
2	KETUA PENOLONG PENGARAH, PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C48	7	6	1
3	PENOLONG PENGARAH, PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C44	2	2	-
4	PENOLONG PENGARAH, PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C41/C44	5	5	-
5	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	F41/F44	1	-	1
6	PUSTAKAWAN (Jawatan Kader, Perpustakaan Malaysia)	S41/S44	1	1	-
7	PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR	C32	8	8	-
8	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N32	1	1	-
9	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (TBK 13 TAHUN)	F29/F32	1	1	-
10	PENOLONG JURUTERA (TBK 13 TAHUN) (Jawatan Kader Jabatan Kerja Raya)	JA29/30/ JA36	1	3	-
11	PENOLONG KAWALAN ALAM SEKITAR (TBK 13 TAHUN)	C29/C32	3	2	-
12	PENOLONG PERPUSTAKAAN (TBK 13 TAHUN) (Jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia)	S29/S32	1	1	-
13	PENOLONG AKAUNTAN (TBK 13 TAHUN) (Jawatan Kader Jabatan Akauntan Negara)	W29/ W32	1	1	-
14	PEMBANTU KHAS, PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT/ SETIAUSAHA PEJABAT	N30/N29/ N19/N22	1	-	1
15	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)	N22	1	1	-
16	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)(TBK 13 TAHUN)	N19/N22	4	4	-
17	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)(TBK 13 TAHUN)/ PENOLONG AKAUNTAN	W19/W22/ W29	2	2	-
18	PEMBANTU PUSTAKAWAN (TBK 13 TAHUN) (Jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia)	S19/S22	1	1	-
19	PENYELIA ASRAMA (TBK 13 TAHUN)	N19/N22	1	1	-
20	PEMBANTU OPERASI (TBK 13 TAHUN)	N11/N14	2	2	-
21	PEMANDU KENDERAAN (TBK 13 TAHUN)	H11/H14	2	2	-
22	PEMBANTU AWAM (TBK 13 TAHUN)	H11/H14	1	1	-
JUMLAH			**50**	**47**	**3**

Penganjuran Bengkel dan Latihan Oleh EiMAS
Workshop and Training Organised By EiMAS

Peserta Kursus *Certified Professional In Leachate Treatment Plant Inspection* (CePLTPI)
Participants of Certified Professional In Leachate Treatment Plant Inspection (CePLTPI)

Sesi Peperiksaan Bertulis Kursus *Certified Professional In Palm Oil Mill Effluent Treatment System Inspection*
Certified Professional In Palm Oil Mill Effluent Treatment System Inspection Course Exam Session

Kursus *Certified Environmental Professional In Scrubber Inspection* (CePSI), 23 Januari hingga 27 Januari 2017
Certified Environmental Professional In Scrubber Inspection (CePSI), 23rd January to 27th January, 2017

Program Sangkutan *An Introduction To The Execution of CEMS In Industries*; 17 Julai hingga 19 Julai 2017
Attachment Programme on An Introduction To The Execution of CEMS In Industries; 17th July to 19th July, 2017

Program Sangkutan di Pelabuhan Johor
Attachement Programme at Johor Port

Kursus Pemahaman dan Kemahiran Tangkapan Mengikut Undang-Undang Peringkat Lanjutan di Nur Laman Bestari Eco-Resort, Batu Caves,
Selangor pada 8 Mei hingga 12 Mei 2017
Advanced Level Course on Understanding and Arrestment Skills According to Law at Nur Laman Bestari Eco-Resort, Batu Caves,Selangor on 8th May to 12th May, 2017

Kursus *DOE Uplifting Services Program: Record Keeping Application (Series II)* pada 20 Mac hingga 23 Mac 2017 di Hotel RHR@UNITEN, Kajang, Selangor: Lawatan Pembelajaran ke Industri bagi Pengurusan Simpanan Rekod
Course on DOE Uplifting Services Program: Record Keeping Application (Series II) on 20th March to 23rd March, 2017 at RHR Hotel@UNITEN, Kajang, Selangor: Industrial Study Visit for Record Keeping Management

Peserta *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Course on Environmental Management and Pollution Control*
Participants of Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Course on Environmental Management and Pollution Control

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Course on Environmental Management and Pollution Control pada 24 Julai hingga 4 Ogos 2018
Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP) Course on Environmental Management and Pollution Control pada 24th July to 4th August 2018

Kursus *Train The Trainer* : 11 September hingga 15 September 2017, Hotel Quality City Centre, Kuala Lumpur
Train The Trainer Course : 11th September to 15th September, Quality City Centre Hotel, Kuala Lumpur

Kursus *Diplomatic Communication* : 25 April hingga 28 April 2017, Hotel Wana Riverside, Melaka
Course on Diplomatic Communication 25th April to 28th April, 2017, Wana Riverside Hotel, Melaka


AT&T
75%
Official Website of
Environment Institute of Malaysia
Home
About Us
Facilities
DOE Courses
Industrial Courses
Gallery
Others
Contact Us
Welcome To EIMAS Website
EIMAS Programmes
EIMAS Training Programme for DOE's Staff
Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)
Competent Person Examination Result
Online System
Malaysia Training Center (MTC)
EIMAS Integrated Training System (SLB)
EIMAS Learning Management System (LMS)
EIMAS National Registration of Certified Environmental Professional (NRCEP)
Enviro Knowledge Management Center (EKMC)

BAB 9
CHAPTER 9

MENGARUSPERDANA AMALAN INDUSTRI HIJAU DALAM KALANGAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) KE ARAH PERTUMBUHAN HIJAU
MAINSTREAMING GREEN INDUSTRY PRATICES AMONG SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (SME) TOWARDS GREEN GROWTH

Memperkasakan Amalan Industri Hijau Dalam Kalangan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Ke Arah Pertumbuhan Hijau

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) Unit Industri Hijau (UIH) telah merancang pelbagai program dan projek untuk dilaksanakan pada tahun 2017 sebagai menyokong hasrat dan wawasan Negara Malaysia mencapai status Negara Maju menjelang tahun 2020.

Dengan tema Mengarusperdana Amalan Industri Hijau Dalam Kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Ke Arah Pertumbuhan Hijau, UIH telah menetapkan matlamat RMKe11 iaitu untuk memperkukuhkan amalan Industri Hijau dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ke arah Pengeluaran Lestari dan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG).

Diantara objektif program adalah untuk :

1. Menyokong inisiatif pengurangan jejak karbon (*carbon footprint*), selaras dengan hasrat negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (*Greenhouse gas - GHG*) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 45% menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan GHG pada tahun 2005;

2. Menyokong usaha penghijauan industri (*greening of industry*);

3. Menerapkan budaya pematuhan kendiri terkawal dan mewujudkan PKS yang berdaya saing dan mesra alam;

4. Meningkatkan pematuhan PKS terhadap keperluan perundangan alam sekitar;

5. Meningkatkan penggunaan sumber secara lestari selaras dengan 2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDG).

Mainstreaming Green Industry Practices Among Small And Medium Enterprises (SME) Towards Green Growth

Under the Eleventh Malaysia Plan (RMKe11) Green Industry Unit (GIU) DOE has planned various programmes and projects to be implemented in 2017 to support the national vision to become developed country in 2020.

With the theme of Mainstreaming Green Industry Practices Among Small And Medium Enterprises (SME) Towards Green Growth, GIU is committed to deliver its RMKe11 programme aims to strengthen Green Industry practices among Small and Medium Industries towards sustainable production and reducing Green House Gases emission.

The objectives of the programme were:

1. To support Carbon Foot Print reduction initiative inlined with national target to reduce 45 % of Green House Gases intensity in year 2030 based on Gross Domestic Products (GDP) year 2005;

2. To support the greening of industry initiative;

3. To inculcate Guided Self Regulation (GSR) and create competitive and environmental friendly SME;

4. To increased SME environmental compliance; and

5. To Increased sustainable resources consumption inlined with 2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDG).

Berikut projek dan aktivti yang telah dilaksanakan pada tahun 2017:

Those are the projects and activities undertaken in 2017:

Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau

Research and Development (R&D) of Green Industry Demonstration premises

Objektif utama program adalah untuk membangunkan premis demonstrasi Amalan Industri Hijau yang akan menjadi contoh dan galakkan terutama kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk melaksanakan amalan Industri Hijau di dalam operasi premis masing-masing. Sebuah buku garis panduan pelaksanaan amalan Industri Hijau bagi sektor terpilih juga diterbitkan untuk rujukan dan panduan pihak industri.

The main objective of the programme to developed Green Industry Practices Premises as a show case and encouragement for other industry especially SMEs to implement Green Industry Practices in their operation. Green Industry Implementation Guideline for specific sector was developed and published as guidance and references for other industry.

Pada tahun 2017 program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau di teruskan dengan fasa dua projek Latihan Pengeluaran Bersih (CP) Untuk Pembangunan Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam.

In 2017, Research and Development (R&D) Program of Green Industry continue with phase two project under program “Latihan Pengeluaran Bersih (CP) Untuk Pembangunan Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam”.

Di antara aktiviti dibawah fasa dua program adalah seperti berikut:

The activities under phase two program includes:

1. Membangunkan buku Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau Sektor Makanan Bagi Premis Penyembelihan dan Pemprosesan Ayam.

1. Developed Guidelines entitle “Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau Sektor Makanan Bagi Premis Penyembelihan dan Pemprosesan Ayam”.

2. Menganjurkan lawatan teknikal ke premis demonstrasi Amalan Industri Hijau dan seminar Amalan Industri Hijau bagi Premis Penyembelihan dan Pemprosesan Ayam.

2. Organizing a technical visit to Green Industry Demonstration Premises and Seminar on Green Industry Practices for Chicken Slaughterhouse and processing.

Semua aktiviti telah dilaksanakan mengikut jadual dan mencapai objektif yang telah disasarkan.

All the above activities were successfully implemented and the projected objective is achieved.

Program Khidmat Nasihat Industri Hijau kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Industri lain

Projek Audit Pengeluaran Bersih atau ”Cleaner Production” (CP) kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai konsep Pengeluaran Bersih

Bagi tahun 2017, program ini telah dilaksanakan oleh pihak perunding yang dilantik iaitu Dr. Tenaga Solution. **Jadual 9.1** menunjukkan lima (5) buah premis PKS terpilih di sekitar Negeri Perak telah menyertai program ini. Melalui program ini, latihan dan pendedahan berkaitan konsep Pengeluaran diberikan kepada pekerja PKS yang dipilih oleh pihak pengurusan PKS sendiri dan seterusnya pekerja PKS akan melaksanakan aktiviti audit pengeluaran bersih secara terperinci.

Laporan Terperinci Audit Pengeluaran Bersih akan memberi maklumat profil operasi PKS dan cadangan-cadangan opsyen Pengeluaran Bersih yang boleh dilaksanakan oleh pihak PKS dan juga maklumat tentang jumlah jejak karbon yang telah dihasilkan daripada keseluruhan operasi pengeluaran PKS. Pihak PKS seterusnya dapat menilai cadangan opsyen CP yang boleh dilaksanakan kearah pengurangan jejak karbon bagi premis PKS tersebut.

Peserta PKS juga didedahkan dengan pengalaman dan pengetahuan tentang Pengeluaran Bersih disamping pihak PKS lain juga dapat merujuk kepada garis panduan amalan Industri Hijau yang telah dibangunkan hasil daripada program ini dan program ini dapat berkembang dengan sendirinya.

Green Industry Advisory Services for Small and Medium Industry (SMEs) and other industries

The Cleaner Production Audit Assistance project for Small and Medium Enterprises (SMEs) was introduced to enhance the awareness and understanding of the Cleaner Production concept among SMEs

In 2017 the Cleaner Production Training for SMEs towards Development of Green Industry Demonstration Site program was carried out in collaboration with Dr Tenaga Solution. As shown in **Table 9.1** five (5) SME premises in Perak were selected to participate in the program.

In this program, CP concept was exposed to the SME staff before they carry out CP audit. From the findings of CP audit, they will produce a detail CP audit report which contains information profile of SME and proposed CP options that can be implemented by SME. The document will also report on the total carbon footprint of the SME. Therefore, an SME can identify which CP options that can be implemented to reduce certain amount of carbon footprint in their operations.

SME participants will gain experience and knowledge of Cleaner Production and other similar SME can also use the Green Industry practice guidelines that have been developed under the program if they are interested to carry out the CP program by themselves. This will help to increase the implementation of the CP program by SMEs.

Memperkukuhkan Mekanisma Institusi Industri Hijau

Strenghtening Green Industry Institutional Mechanisms

Program Promosi Meja Bantuan Industri Hijau Dan Penubuhan Meja Bantuan Industri Hijau di Pejabat-Pejabat JAS Negeri

Promotion of Green Industry Helpdesk and the establishment of a Green Industry Helpdesk at DOE State Offices

Salah satu komponen Program `Memperkasakan Amalan Industri Hijau Dalam Kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Ke Arah Pertumbuhan Hijau' di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah Memperkukuhkan Mekanisma Institusi Industri Hijau.

One of the component of Mainstreaming Green Industry Practices Among Small And Medium Enterprises (SME) Towards Green Growth in RMk-11 is strengthening Green Industry Institutional Mechanisms.

Mewujudkan Meja Bantuan (*helpdesk*) Industri Hijau di semua JAS Negeri adalah salah satu elemen dalam program tersebut. Pada tahun 2017, Unit Industri Hijau Ibu Pejabat telah membuat perolehan enam (6) unit meja bantuan dan *pop up banner* dalam membantu JAS Negeri mempromosi Industri Hijau.

One of the element of this programme is to create Green Industry help desk for all of state office. In 2017, Green Industry Unit at Headquaters has made the acquisition of six (6) unit helpdesk and popup banner to help state office in promoting Green Industry.

Meja Bantuan tersebut telah diagihkan kepada lima buah negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Cawangan Kluang, Johor. Melalui Meja Bantuan ini di pejabat JAS Negeri akan memberi nasihat dan maklumat yang lebih tepat kepada industri untuk melaksanakan Amalan Industri Hijau.

The helpdesk has been allocated to five states namely Selangor, Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Johor and Branch Kluang, Johor. With Green Industry Helpdesk, DOE state offices will be able to provide more accurate advice and information on implementation of Green Industry Practices.

Seminar Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan dan Pemprosesan Ayam.

Seminar Green Industry for Chicken Slaughterhouse and Processing.

Pada penghujung tahun 2017, Projek Latihan Pengeluaran Bersih (CP) Untuk Pembangunan Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam di bawah program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah jaya beroperasi. Satu seminar telah dianjurkan bagi tujuan mempromosikan hasil projek tersebut kepada pegawai JAS dan juga pengusaha-pengusaha premis penyembelihan dan pemprosesan ayam,.

At the end of year 2017, project "Latihan Pengeluaran Bersih (CP) Untuk Pembangunan Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam" under Research and Development (R&D) programme was succesfuly completed and in operational. A seminar was organized to promote the project outcome among DOE Officers and also enterprenuer in chicken slaughterhouse and processing.

Seminar Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan dan Pemprosesan Ayam telah berlangsung pada 26 September 2017 bertempat di Hotel Prime City, Kluang, Johor. Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS iaitu Tn. Haji Ismail bin Ithnin.

Seminar Green Industry for Chicken Slaughterhouse and Processing was held on 26th September 2017 at Prime City Hotel, Kluang, Johor. The seminar was officiated by Tuan Haji Ismail bin Ithnin, Deputy Director General (Development), DOE.

Sebanyak tiga (3) kertas kerja telah dibentangkan oleh 3 penceramah iaitu penceramah pertama iaitu Pn. Zuraini Siam, Ketua Unit Industri Hijau yang membentangkan kertas kerja bertajuk Program Latihan Industri Hijau Ke Arah Pembangunan Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau dan Faedahnya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pembentang kedua iaitu En. Saiful Azam Bin Hj. Mahmud daripada SIRIM Berhad membentangkan kertas kerja bertajuk Program Latihan Pengeluaran Bersih (CP) ke Arah Pembangunan Premis Demonstrasi Amalan Industri Hijau untuk Premis Penyembelihan dan Pemprosesan ayam– Hasil kajian dan cadangan Opsyen Industri Hijau. Manakala penceramah ketiga iaitu Tn. Hj. Ir. Zulkafli B. Mat Rani, Pengurus Besar PPNJ Poultry & Meat Sdn Bhd telah membentangkan kertas kerja bertajuk Perkongsian Pengalaman Industri dalam Program Latihan Industri Hijau.

Three (3) paperworks were presented by three (3) speakers, the first speaker was Pn. Zuraini Siam, Head of Green Industry Unit who presented a paper entitle Training Program on Green Industry Towards Development of Green Industry Demonstration Premises and Its Benefits for Small and Medium Enterprises. The second speakers is En. Saiful Azam Bin Hj. Mahmud from SIRIM Berhad who presented a paper on Research Outcome and Green Industry Options from a study on Chicken Slaughterhouse and Processing Industry. The third speaker is Tn. Hj. Ir. Zulkafli B. Mat Rani, the General Director of PPNJ Poultry and Meat Sdn. Bhd. who presented paper on Industry Experience Sharing In Green Industri Training Program.

Disamping itu aktiviti bengkel ini juga melibatkan sesi lawatan teknikal ke premis demonstrasi Amalan Industri Hijau sektor makanan bagi premis penyembelihan dan pemprosesan ayam iaitu syarikat PPNJ Poultry & Meat Sdn Bhd sendiri. Peserta dibawa melihat model loji biodigester yang telah dibangunkan bagi penghasilan biogas menggunakan efluen dan bahan buangan dari operasi penyembelihan dan pemprosesan ayam. Penerangan tentang loji biodigester telah disampaikan oleh pegawai JAS, pihak SIRIM Berhad dan Pengurus Besar PPNJ Poultry & Meat Sdn Bhd.

This seminar also involves a technical visit to Green Industry Demonstration Premises for Chicken Slaughterhouse and Processing Industry which is located at PPNJ Poultry and Meat Sdn. Bhd. The participants were brought to see the model of the biodigester plant that was developed to produce biogas using effluents and waste from slaughter and processing of chicken. The explanation were given by DOE officer , SIRIM Berhad expert and also factory General Manager of PPNJ Poultry and Meat Sdn. Bhd.

Peserta seminar adalah terdiri daripada 50 pegawai JAS daripada pejabat JAS Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor termasuk EiMAS. Manakala peserta industri pula adalah seramai 200 orang.

Seminar participants consist of 50 DOE officers from Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor including EiMAS. Meanwhile about 200 participants were from SMEs

Pameran dan Promosi Industri Hijau

Green Industry Promotion and Exibitions

UIH telah mengadakan dua (2) pameran sepanjang tahun 2017. Pameran yang diadakan adalah jemputan daripada Fakulti Sains Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sempena program *Eco-Green Campus Challenge 2.0* pada 20 April 2017 dan jemputan daripada Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (UKM) sempena penganjuran persidangan *Tuanku Jaafar Conference and Workshop 2017* pada 20 November hingga 23 November 2017.

GIU had organized two(2) exhibitions in 2017. The exibitions was an invitation from Faculty of Social Science, National University Malaysia (UKM) inconjuction of Eco-Green Campus Challenge 2.0 held on 20 April 2017 and the second exhibition was invitation from Faculty of Engineering and Built Environment (UKM) inconjunction of Tuanku Jaafar Conference and Workshop held on 20th November to 23rd November, 2017.

Program Anugerah Industri Hijau Tahun 2017

Anugerah Industri Hijau merupakan anugerah yang diperkenalkan bagi memberi pengiktirafan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ke atas inisiatif melaksanakan Amalan Industri Hijau

Objektif utama anugerah ini adalah untuk memberikan pengiktirafan dan motivasi khususnya kepada PKS atas inisiatif, kreativiti dan komitmen berterusan yang diberikan dalam pelaksanaan Amalan Industri Hijau serta mengadaptasikan elemen pengeluaran bersih (*cleaner production*) dalam proses pembuatan.

Manfaat pelaksanaan Amalan Industri Hijau ini ialah penjimatan penggunaan tenaga dan utiliti dan pengurangan sisa buangan yang menjurus kepada proses pengeluaran industri yang lebih bersih dan efisen ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada *low carbon footprint* selaras dengan hasrat negara untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (*Greenhouse gas - GHG*) sebanyak 45% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005.

Pada tahun 2017, penyertaan dibuka kepada semua PKS di Malaysia bagi menyertai Program Anugerah Industri Hijau dan majlis penganugerahan akan diadakan pada tahun 2018.

Roadshow dan taklimat berkenaan program tersebut juga diadakan di JAS Negeri Perak sebagai pendekatan untuk mempromosikan Program Anugerah Industri Hijau kepada PKS.

Green Industry Award Program 2017

Green industry award is an award which was introduced to give recognition to small and medium enterprises (SMEs) for their initiative in implementing Green Industry Practices.

The main objective of this award is to give recognition and motivation in particular to SMEs on the initiative, creativity and continuous commitment in the implementation of Green Industry Practices and adoption of cleaner production concept in the manufacturing process.

Benefits of implementing Green Industry Practices are saving energy and utilities, and reducing wastes leading to cleaner and more efficient industrial production processes. This indirectly contribute to low carbon footprint in line with the countries commitment to reduce the intensity of greenhouse gas (GHG) emissions of 45% based on the gross domestic product (GDP) by 2030 based on intensity of emissions in 2005

In 2017, participation was open to all SMEs in Malaysia to participate in the Green Industry Award Program to be held in 2018.

Roadshow and briefing on the Program were also held at the DOE Perak as an approach to promote the Green Industry Award Program to SMEs.

Jadual 9.1 JAS: Senarai Premis Bagi Program Latihan Pengeluaran Bersih (CP) Kepada PKS
Table 9.1 DOE: List of Premises in CP Training Program for SME

Bil. No	Premis Premises	Tarikh Datew	Bilangan opsyen CP dijana No of CP option
1.	FY Food Processing Sdn. Bhd. Ipoh	2 Jun 2017/ 2 June 2017	7
2.	M&S Food Industries, Ipoh	2 Jun 2017/ 2 June 2017	9
3.	S&P Industries, Bagan Datoh	2 Jun 2017/ 2 June 2017	11
4.	Ayam AA Enterprise Sdn. Bhd	6 Oktober 2017/ 6 October 2017	10
5.	PCK Enterprise	6 Oktober 2017/ 6 October 2017	10

Bil.	Tarikh	Nama Syarikat / Organisasi / Program	Lokasi	Catatan
1.	28 Februari 2017	Bengkel Memperkukuh Mekanisma Institusi Industri Hijau Melalui Pemantapan Program Industri Hijau di JAS Negeri Workshop on Strengthening the Mechanism of Green Industry Institutions through the Strengthening of Green Industry Programs in State Offices	Hotel rhr Uniten Selangor	Seminar kepada pegawai JAS dan pihak industri Seminar for DOE officers and industry
2.	5 September 2017	Roadshow Dan Taklimat JAS Negeri Roadshow And DOE State Briefing.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan	Seminar kepada pegawai JAS dan pihak industri. Seminar for DOE officers and industry
3.	25 September 2017	Seminar Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam Seminar Green Industry Practices for Poultry Slaughterhouse And Processing Premises	Hotel Prime City, Kluang Johor	Seminar kepada pegawai JAS dan pihak industri. Seminar for DOE officers and industry
4.	24-27 Oktober 2017	Bengkel Pembangunan Sistem Pelaporan Atas Talian (*Online*) Industri Hijau Workshop Development of Green Industry online reporting system	Hotel Dorsett, Putrajaya	Bengkel pegawai JAS Workshop for DOE officers

Program Khidmat Nasihat kepada PKS di Negeri Perak
Green Industry Advisory Services For SMEs in State of Perak

- Lawatan Ke Premis Pembuatan Makanan
  A Visit To Food Industry

Program Seminar Memperkukuhkan Pegawai JAS Dalam Institusi Industri Hijau
Workshops of Strengthen the Mechanism of Green Institution



Program Promosi Unit Industri Hijau
Green Industry Promotion Program

- Perasmian Seminar Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam Yang Berlangsung Pada 26 September 2017 Oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS.

  The Opening Ceremony Of Seminar On Green Industry Practices For Chicken Slaughterhouse And Processing Premises On 26th September, 2017, By Deputy Director General (Development) Of DOE.

- Peserta Yang Hadir Seminar Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam Yang Berlangsung Pada 26 September 2017.

  Participants At Seminar On Green Industry Practices For Chicken Slaughterhouse And Processing Premises Held On 26th September, 2017.


Lawatan Teknikal Peserta Seminar Ke Tapak Projek Demontrasi Amalan Industri Hijau Bagi Premis Penyembelihan Dan Pemprosesan Ayam Di PPNJ Poultry And Meat Sdn. Bhd.

A Technical Visit By Participants Of Seminar To Green Industry Demonstration For Chicken Slaughterhouse And Processing Premises At PPNJ Poultry And Meat Sdn. Bhd.

Penyertaan Pada Pameran Sempena Program *Eco-Green Campus Challenge* 2.0 Anjuran Fakulti Sains Sosial UKM Pada 20 April 2017

Participation In Exhibition In Conjunction With Eco Green Campus Challenge 2.0 Organized By Faculty Of Social Science UKM On 20th April, 2017

Penyertaan Pada Pameran Sempena Persidangan *Tuanku Jaafar Conference And Workshop 2017* Pada 20 November Hingga 23 November 2017 Anjuran Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina UKM

Participation In Exhibition In Conjuction Of Tuanku Jaafar Conference And Workshop 2017 On 20th November To 23rd November, 2017 Organized By Faculty Of Engineering And Built Environment UKM

Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Department of Environment
Ministry of Energy, Science,Technology,
Enviroment and Climate Change
Aras 1 - 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62574 Putrajaya, Malaysia.

Telefon: 03-8871 2000 Faks: 03-8888 9987

ISSN 2636-9842
9 772636 984009